

PERPUSTAKAAN  
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

KEMAS SEBAGAI AGENSI PEMBANGUNAN KERAJAAN  
(SATU KAJIAN DI KAWASAN PARLIMEN TAIPING)

Buat Ibu bapa yang puas-puas...  
Buat ayah dan bapak...

NORDDIN BIN MAJID  
NO. MATRIK : 048097

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA

TERLAJAKANA HEDAJAH, LINSYAELLAH,

SESSI 1987/88

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya dan berkat ketekunan dan kesabaran dapat saya menyiapkan latihan ilmiah yang menjadi syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial khususnya dalam disiplin Antropologi dan Sosiologi. Dengan sempurnanya latihan ilmiah ini, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih saya kepada pihak-pihak tertentu yang telah banyak memberikan sumbangan dan kerjasama yang tidak ternilai.

Pertama saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Rokiah Talib sebagai penyelia bagi latihan ilmiah ini yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang sepenuhnya.

Ucapan terima kasih juga kepada Timbalan Pengarah KEMAS En. Hoesne, Puan Rohana Ahmadun Pengarah Rancangan Pembangunan Keluarga, Puan Nasriah Penyelia Pembangunan Keluarga Dearah Taiping, dan semua kakitangan KEMAS Daerah Taiping yang telah memberikan kerjasama semasa kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada teman-teman iaitu Lee, Syt, Nik, Nora, Na, Min, Azhar,

**Maria, Ma** terutama yang telah memberikan buah fikiran dan bantuan moral dalam menyiapkan latihan ilmiah ini dan tidak ketinggalan juga teman-teman di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Akhir sekali tidak lupa ucapan terima kasih saya kepada mereka yang tidak dapat saya nyatakan namanya di sini.

Segala budi dan kerjasama yang telah diberikan oleh mereka di harap mendapat pembalasan dari ALLAH.

Wassallam  
NORDDIN MAJID

**JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI,**

**UNIVERSITI MALAYA,** ini adalah berbeza dengan  
**KUALA LUMPUR** yang terletak di kawasan Parlimen Tropic.

Tropic kota adalah bekalan Komjunk Malyau atau dalam bahasa Melayu ia merupakan tanah besar. Latihan Ilmiah ini mengandungi sekitar (6) bab.

Bab satu merangkumi bidang, tujuan, kaedah, makalah serta kepentingan risian tersebut. Bab kedua pun seperti ringkas membincangkan tentang kota-kota-pelabuhan bersejarah-pembangunan di Melayu.

Di bawah bab ketiga membincangkan  
interbelasung Cetajuan Malyau (EDM) serta

### SINOPSIS

Kerajaan amat menyedari betapa pentingnya usaha membangunkan rakyat agar dapat melahirkan sebuah masyarakat yang progresif dan dinamis. Melalui berbagai agensi, seperti di tempat kajian, ternyata kerajaan melalui KEMAS membantu membaiki dan membangunkan rakyat.

Kerjasama dan penglibatan rakyat merupakan faktor penting yang mendorong ke arah kejayaan projek pembangunan. Memang tidak dinafikan bahawa adalah sukar untuk mendapat kerjasama di antara pihak pemimpin dan rakyat. Walau bagaimanapun hanya melalui kerjasama dan penglibatan yang aktif sahajalah, segala rancangan pembangunan akan mengeluarkan hasil yang memuaskan.

Kajian ini adalah berkaitan dengan Pembangunan Masyarakat di kawasan Parlimen Taiping. Tumpuan kajian adalah berkenaan Kemajuan Masyarakat dalam proses pembangunan masyarakat luar bandar. Latihan Ilmiah ini mengandungi enam (6) bab.

Bab satu menerangkan bidang, tujuan, kaedah, masalah serta kepentingan kajian tersebut. Bab kedua pula secara ringkas membincangkan tentang konsep-konsep pembangunan termasuk pembangunan di Malaysia.

Di dalam bab ketiga membentangkan latarbelakang Kemajuan Masyarakat (KEMAS) serta

KANDUNGAN

aktiviti-aktiviti yang di jalankan. Disentuh juga organisasi Kemajuan Masyarakat, objektif-objektif serta pencapaiannya. Bab keempat adalah mengenai latarbelakang responden di tempat kajian.

Dalam bab kelima membincangkan peranan dan aktiviti KEMAS di kawasan Parlimen Taiping. Tumpuan kajian adalah kepada Rancangan Pembangunan Keluarga, yang membincangkan tentang Ekonomi Rumah tangga dan Tabika. Masalah-masalah yang dihadapi serta cara-cara mengatasinya.

Bab enam merupakan bab penutup dan kesimpulan bagi latihan ilmiah ini. Dalam bab ini di berikan rumusan hasil dari penemuan kajian ini.

Bab 2	Kajian Konsep Pembangunan	
2.1	Pengantar	13
2.2	Pembangunan - Mata tinjauan awam	18
2.3	Pembangunan masyarakat	23
2.4	Pembangunan Masyarakat di Malaysia	25
Bab 3	Latarbelakang Seputar Aktiviti-aktiviti KEMAS	
3.1	Pengantar	31
3.2	Sosial dan Latarbelakang	31
3.3	Objektif KEMAS	36
3.4	Struktur KEMAS	37

KANDUNGAN  
KANDUNGAN

Halaman

	Halaman
3. Aktiviti-aktiviti KEMAS	Halaman
Penghargaan	I
Sinopsis	III
Kandungan	V
Senarai Jadual	VIII
3.1 Institut SEDAS	54
Bab 1 Pendahuluan	1
1.1 Tujuan dan bidang kajian	2
1.2 Kaedah kajian & Respondent	2
a) Soal selidik	3
b) Temubual	5
c) Pemerhatian	7
d) Mengkaji data sekunder	8
1.3 Masalah kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	11
3.2 Rangka Konsep Pembangunan	16
Bab 2 Rangka Konsep Pembangunan	66
2.1 Pengenalan	13
2.2 Pembangunan- Satu tinjauan umum	14
2.3 Pembangunan masyarakat	20
2.4 Pembangunan Masyarakat di Malaysia	25
3.3 Latarbelakang Serta Aktiviti-aktiviti KEMAS	31
Bab 3 Latarbelakang Serta Aktiviti-aktiviti KEMAS	31
3.1 Pengenalan	31
3.2 Sejarah dan Latarbelakang	31
3.3 Objektif KEMAS	36
3.4 Strategi KEMAS	37

KANDUNGAN		Halaman
3.5	Aktiviti-aktiviti KEMAS	39
3.5.1	Rancangan Pembangunan Keluarga	40
3.5.2	Program Pendidikan Masyarakat	45
3.5.3	Program Latihan	49
3.6	Struktur Organisasi	53
3.7	Institut SEDAR	54
3.8	KEMAS dan UMNO - Satu Hubungan	56
<b>Bab 4</b>	<b>Latarbelakang Respondent</b>	
4.1	Pendahuluan	59
4.2	Umur Responden	59
4.2.1	Taraf Pendidikan	60
4.2.2	Pekerjaan Responden	61
4.2.3	Status Perkahwinan	63
4.2.4	Pekerjaan Ketua Rumah	63
4.2.5	Pendapatan Ketua Rumah	64
4.2.6	Tarat Rumah Di Diami	66
4.2.7	Penglibatan Dalam KEMAS	67
4.2.8	Saiz Keluarga	68
4.2.9	Bilangan Anak	69
4.3	Tujuan Memasuki KEMAS	71
4.4	Penyertaan Responden Dalam Lain-lain Pertubuhan	72
<b>Bab 5</b>	<b>Aktiviti dan Peranan KEMAS Taiping, Perak</b>	
5.1	Pendahuluan	75
5.2	Organisasi	76
5.3	Kakitangan	77

## KANDUNGAN

	Halaman
Senarai Jadual	Bab 1
5.4 Ekonomi Rumahtangga (ERT)	79
5.4.1 Projek Rumah Sempurna (PRS)	80
5.4.2 Pertandingan Yang Diadakan	83
5.4.3 Masalah Kelas ERT	83
5.4.4 Cadangan Baiki Kelas ERT	85
5.4.5 Pembaharuan Dalam ERT	86
5.5 TABIKA (TBK)	87
5.5.1 TABIKA KEMAS Taiping	89
5.5.2 Pemaju Masyarakat TABIKA	90
5.5.3 Kursus Untuk Pemaju Masyarakat	91
5.5.4 Aktiviti-Aktiviti TABIKA KEMAS	93
5.5.5 Masalah Pemaju Masyarakat TABIKA	96
5.5.6 Cara Mengatasi Masalah	96
5.6 Kekesan KEMAS	97
Bab 6 Penutup dan Kesimpulan	102
Bibliografi	110
Lampiran	

DAFTAR

Senarai Jadual	Nama Jadual	Halaman
Jadual 1	Umur Responden	60
Jadual 2	Taraf Pendidikan	61
Jadual 3	Pekerjaan Responden	62
Jadual 4	Status Perkahwinan	63
Jadual 5	Pekerjaan Ketua Rumah	64
Jadual 6	Pendapatan Ketua Rumah	65
Jadual 7	Taraf Rumah Didiami	67
Jadual 8	Penglibatan Dalam KEMAS	68
Jadual 9	Saiz Keluarga	69
Jadual 10	Bilangan Anak	70
Jadual 11	Bilangan Kakitangan KEMAS	
	Taiping	78
Jadual 12	Jadual Waktu Tabika	93
Jadual 13	Peralatan Tabika	95

Kemajuan Masyarakat atau singgestinya KEMAS merupakan hasil sebuah agensi kerajaan yang mendanai perbadan pengkaji sanya. Ibu yang demikian, adalah menjadi bukti pengkaji cuba meninjau sendiri peranan peranah KEMAS serta senilai sumbangannya terhadap orang ramai yang masyarakatnya, iaitu secara langsung terhadap masyarakat dan negara. Di samping itu pengkaji berharap agar hasil kajian dan penulisan latihan tesis ini akan dapat dipergunakan untuk tujuan-tujuan kebaikan manusia bagi cegah akibat akibat akibat tidak diingini.

## BAB I

### 1. Pendahuluan

Tinjauan terhadap agensi-agensi kerajaan kerap mendapat perhatian umum. Ini kerana wujudnya kesedaran masyarakat terhadap peranan dan kepentingannya dalam pembangunan negara sejak sebelum negara kita mencapai kemerdekaan lagi.

Kemajuan Masyarakat merupakan salah satu dari agensi-agensi kerajaan yang mempunyai peranan dan kepentingan yang sama pentingnya sebagaimana agensi-agensi lain; iaitu atas tujuan pembangunan negara. Namun demikian tinjauan atau liputan yang dibuat kebanyakannya hanyalah sebagai suatu tinjauan keatas isu-isu semasa sahaja.

Kemajuan Masyarakat atau singkatannya KEMAS merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang mendapat perhatian pengkaji amnya. Oleh yang demikian, adalah menjadi tujuan pengkaji untuk meninjau sendiri peranan-peranan KEMAS serta menilai sumbangannya terhadap orang ramai yang menyertainya, iaitu secara langsung terhadap masyarakat dan negara. Di samping itu pengkaji berharap agar hasil kajian dan penulisan latihan ilmiah ini akan dapat dipergunakan untuk tujuan-tujuan kebaikan khususnya bagi tujuan akademik dimasa-masa akan datang.

### **1.1 Tujuan dan Bidang Kajian**

Kajian ini dilakukan di Kawasan Parlimen Taiping, Perak. Kajian ini adalah mengenai Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai sebuah agensi pembangunan kerajaan. Pengkaji hanya memilih salah satu daripada aktiviti KEMAS yang mendapat sambutan. Aktiviti itu ialah Rancangan Pembangunan Keluarga. Di antara tujuan dan kepentingan kajian adalah:

1. Untuk melihat peranan Rancangan Pembangunan Keluarga anjuran KEMAS dalam menyedarkan dan membangunkan masyarakat luar bandar.
2. Untuk mengetahui projek-projek yang dilaksanakan oleh Rancangan Pembangunan Keluarga dan pencapaiannya setelah 26 tahun melaksanakan kegiatannya.
3. Melihat sejauhmana sambutan masyarakat luar bandar terhadap aktiviti-aktiviti Rancangan Pembangunan Keluarga.
4. Untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh Rancangan Pembangunan Keluarga. Seterusnya mengemukakan cadangan dan saranan yang bertujuan memperbaiki kedudukan dan perjalanan KEMAS demi kepentingan bersama.

### **1.2 Kaedah Kajian**

Kepentingan kaedah kajian dalam pengkajian sains sosial adalah sebagaimana yang telah diutarakan

oleh Arnold M.Rose (1965) iaitu:

"Fact do not simply lie around waiting to be picked up. Fact must be carved out of the continuous of out-going reality, must be measured with precision, must be observed where they can be related to other relevant facts. All of this involved 'method'."

Sebagai satu kajian yang berbentuk saintifik, di mana memerlukan data-data yang tepat maka pengkaji menggunakan beberapa bentuk kaedah kajian dalam usaha untuk mendapatkan data-data. Penggunaan kaedah-kaedah secara berasingan dalam memungut data-data akhirnya dipadukan menjadi satu kombinasi dalam bentuknya yang akhir setelah membuat beberapa penyesuaian dalam bentuk penyusunan data-data, katagori dan sebagainya. Kaedah-kaedah tersebut terdiri daripada:

- a. Soal-selidik.
- b. Temubual.
- c. Pemerhatian.
- d. Rujukan perpustakaan.

**a. Soal-selidik**

Kaedah utama bagi mendapatkan data-data dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah soal-selidik. Pengkaji telah menyediakan soalan-soalan yang sesuai dengan tujuan kajian ini berdasarkan maklumat-maklumat yang didapati dari Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri dan juga Daerah. Pemerhatian yang dilakukan

ke atas penduduk tempatan juga membantu pengkaji membuat soalan-soalan yang difikirkan sesuai untuk mendapatkan maklumat terhadap masalah yang ingin dikaji. Bagi memudahkan responden memahami soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka, pengkaji telah menyediakan soalan-soalan yang mudah dan terang maksudnya. Pengkaji telah memilih seramai 47 orang responden dan pemilihan dilakukan secara rambang. Soalan-soalan ini disampaikan kepada responden melalui ayat-ayat atau perkataan-perkataan yang mudah untuk memudahkan pengkaji mendapat jawapan yang sebenarnya dari responden. Sekira nya ada masalah responden yang tidak memahami soalan maka pengkaji mengatasinya dengan mengubah sedikit sebanyak soalan semasa bertemu muka dengan responden supaya ianya lebih difahami oleh mereka tanpa lari dari maksud soalan yang sebenarnya.

Soal selidik ini mempunyai dua bentuk; pertama ialah bersifat soalan terbuka, dan satu lagi soalan tertutup. Soal-selidik yang bersifat terbuka ialah soalan-soalan yang tidak mempunyai jawapan khusus atau tidak ada jawapan yang disediakan. Ini bermakna bahawa responden boleh memberi apa-apa sahaja jawapan yang dirasakan menepati atau bersesuaian dengan soalan yang dikemukakan.

Di dalam soalan-soalan yang berbentuk tertutup pula, responden perlu memilih yang mana satu

- jawapan-jawapannya yang sudah disediakan.

b. Temubual

Kaedah ini dijalankan serentak dengan pengemukaan soalan kepada responden oleh pengkaji.

Menurut James A. Black dan Dean J. Champion (1976):

"The interview is easily the most sociological research technique. That is because it's very form is derived from verbal interaction between the investigator and the respondent. Many insist that the best way to find out why person behave as they do is quiz them about their conduct directly by talking to them".

Kaedah ini digunakan apabila pengkaji mengemukakan persoalan yang tidak terdapat di dalam borang soal-selidik. Keterangan yang diperolehi dari responden ini dicatatkan supaya nanti segala keterangan itu tidak hilang begitu sahaja.

Semasa menjalankan kajian pengkaji menggunakan kaedah temubual ini ke atas beberapa orang tertentu yang difikirkan perlu dan dapat memberikan maklumat yang berguna dalam kajian ini. Di antara mereka yang ditemui ialah pegawai-pegawai KEMAS di Ibu Pejabat, di pejabat KEMAS Negeri dan juga Daerah. Temubual juga telah dilakukan dengan Penyelia Pembangunan Keluarga, Pemaju Masyarakat dan peserta-peserta KEMAS.

Sebelum menemui pegawai-pegawai serta responden tersebut pengkaji telah terlebih dahulu mencatatkan beberapa soalan yang dianggap penting untuk

disoalkan. Ini adalah bagi mengelakkan dari berlakunya keciciran dan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas. Oleh yang demikian dalam masa temubual dengan responden, pengkaji terpaksa mencatatkan beberapa maklumat yang sukar diingati dan penting. Bagi maklumat yang telah diketahui dan telah diperolehi tidak dicatitkan kerana pengkaji mengharapkan suatu perbualan yang lancar.

Kaedah ini dirasakan banyak membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji dapati temubual tanpa set kertas soal-selidik membolehkan responden memberi maklumat, pendapat, pandangan, kritik serta komen secara bebas dan lancar. Namun begitu terdapat juga beberapa masalah dalam kaedah temubual ini. Ini adalah kerana pengkaji mendapati responden hanya dapat memberikan suatu gambaran am sahaja dan merupakan pendapat yang tidak dapat disahkan kejituannya. Dengan ini akan memungkinkan berlakunya 'bias' dalam memberikan keterangan. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya kekeliruan dan percanggahan dalam beberapa maklumat yang diberikan dengan kenyataan yang diberikan.

Bagi mengatasi masalah percanggahan maklumat ini, pengkaji terpaksa mengajukan soalan-soalan tersebut kepada beberapa orang lain yang dianggap relevan dan dapat diperakui sah kenyataannya serta menambahkan pembacaan dan mencari bukti-bukti lain sebagai semakan.

c. Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah berguna bagi pengkaji untuk mengetahui perjalanan aktiviti mereka. Ini terutamanya meliputi aktiviti-aktiviti di dalam Rancangan Pembangunan Keluarga seperti Kelas Ekonomi Rumah tangga dan Tabika. Disebabkan pengkaji tinggal di daerah yang dikaji ini maka senanglah bagi pengkaji untuk pergi ke tempat-tempat aktiviti dijalankan. Kerjasama dari mereka juga adalah baik terhadap pengkaji. Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat sambutan penduduk-penduduk tempatan menyertai setiap aktiviti yang dijalankan. Ini dapat membantu pengkaji mendekati responden. Pengkaji telah mendapat pertolongan yang sepenuhnya daripada penyelia pembangunan keluarga, beliau telah membawa pengkaji ke tempat-tempat di mana aktiviti-aktiviti KEMAS di jalankan. Pertolongan ini adalah penting kerana ada tempat-tempat kegiatan itu dilakukan di kampung-kampung yang tidak di ketahui oleh pengkaji. Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat membuat "semakan" terhadap setengah-setengah keterangan yang diberikan oleh responden atau lain-lain keterangan mengenai penyertaan mereka di dalam program-program yang disediakan oleh KEMAS. Pengkaji telah menggunakan satu borang khas semasa mencatat segala maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian tersebut. Oleh itu, pengkaji rasa melalui "semakan" seperti ini dapat mengurangkan

intulu mendapatkan bahan-bahan berasaskan pengkaji perlu kenyataan-kenyataan yang kurang tepat dari responden.

#### d. Kajian Perpustakaan dan Data Sekunder

Bagi memperolehi data-data yang relevan terdapat juga bahan-bahan dari perbandingan dengan kajian, pengkaji juga telah membuat penyelidikan perpustakaan. Ini terutamanya untuk melihat hubungan yang berkaitan dengan fakta-fakta dan teori seperti teori pembangunan. Pengkaji mendapat bahan-bahan rujukan dari risalah, buku, makalah, akhbar-akhbar tempatan dan lain-lain sumber yang berkaitan. Data kedua ialah makallah-makallah penting tentang KEMAS yang didapati dari Ibu Pejabat KEMAS.

Kaedah ini dianggap penting kepada pengkaji untuk memberikan suatu gambaran kasar, panduan dan juga sebagai perbandingan dalam membuat penilaian dan rumusan kajian.

### 1.3 Masalah Dalam Menjalankan Kajian

Dalam menjalankan kajian luar ini pengkaji tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi beberapa masalah:

#### a. Masalah Dari Segi Bahan Rujukan

Ini merupakan perkara utama bagi pengkaji. Dari apa yang didapati oleh pengkaji terlalu amat sedikit bahan-bahan bacaan mengenai Kemajuan Masyarakat.

Untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan pengkaji perlu mendapatkan risalah-risalah dari Ibu Pejabat KEMAS di Kuala Lumpur. Di perpustakaan juga sukar untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan. Walaupun begitu terdapat juga bahan bacaan dari persidangan-persidangan mengenai KEMAS di bahagian koleksi kebangsaan.

b. Masalah soalan

Soal ketidakfahaman terhadap soalan yang dikemukakan oleh pengkaji juga menjadi satu masalah. Dengan itu pengkaji terpaksa menerangkan maksud sebenar soalan-soalan tersebut dengan bahasa yang paling mudah yang dapat difahami oleh responden. Kadangkala mereka tidak tahu untuk memberi jawapan mengenai soalan yang berhubung dengan jumlah pendapatan mereka atau keluaraga mereka.

c. Masalah Pegawai Jabatan

Masalah ini timbul terutamanya untuk berjumpa dengan Penolong Kanan KEMAS. Pengkaji terpaksa membuat temu janji terlebih dahulu. Ini adalah disebabkan penolong kanan sentiasa membuat lawatan-lawatan dimana aktiviti-aktiviti KEMAS diadakan. Dari itu pengkaji terpaksa menghubunginya (melalui talipon) pada masa pengkaji hendak pergi ke pejabat tersebut.

d. Masalah Masa dan Tempat

Masa bagi pengkaji menjalankan kajian ini

adalah agak terhad. Tambahan pula semasa kajian ini dijalankan pengkaji mendapati banyak aktiviti-aktiviti KEMAS terpaksa dibatalkan. Ini adalah kerana peserta-peserta dan Pemaju Masyarakat diwajibkan pergi menyambut kedatangan Sultan Perak di samping itu diadakan pertandingan masakan anjuran PUSPANITA Bahagian Taiping.

Tempat-tempat untuk menjalankan aktiviti KEMAS adalah tidak tetap. Setengah-setengah tempat diadakan di Dewan Orang Ramai, surau, Balai raya dan juga di rumah-rumah sendiri.

Secara tidak langsung telah menimbulkan masalah kepada pengkaji untuk mencari tempat-tempat aktiviti-aktiviti KEMAS diadakan. Untuk mencari tempat-tempat kegiatan KEMAS pengkaji telah menghabiskan masa yang banyak dalam perjalanan. Di samping itu, keadaan ini meletihkan dan seterusnya mempengaruhi pengkaji dalam menjalankan temubual nanti.

#### e. Masalah Mengenai Responden

Walaupun pada keseluruhannya bolehlah dikatakan kerjasama yang diberikan oleh responden agak baik tetapi masih juga terdapat segolongan yang agak berat untuk menjawab soalan-soalan yang ditanya. Ini jelas dilihat pada jawapan-jawapan yang diberikan seolah-olah terdapat ketidakikhlasan dalam jawapan itu. Terdapat juga setengah-setengah responden yang tidak

mahu memberi jawapan, di mana mereka menyerahkan kepada pengkaji untuk memberi apa sahaja jawapan yang dirasakan sesuai. Jadi agak susah bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Terdapat juga di kalangan responden yang mempunyai anggapan dan penerimaan yang salah terhadap pengkaji. Kebanyakan dari mereka menganggap bahawa pengkaji adalah wakil daripada mana-mana badan atau agensi kerajaan.

Sebahagian lagi responden menganggap bahawa pengkaji menjalankan kajian ini dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat bagi memberi bantuan kepada mereka.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Penulisan yang berdasarkan kajian dan penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan yang tertentu. Sebagai salah satu daripada hasil penulisan ilmiah yang ditulis secara sistematik dan teratur menurut peraturan-peraturan, kaedah-kaedah serta pemikiran tertentu, maka bolehlah dikatakan bahawa hasil-hasil penulisan itu mengandungi maklumat-maklumat yang dapat dipergunakan dan dipertahankan sebagai maklumat yang baru. Dengan itu juga ia akan menjadi panduan atau bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang akan membuat kajian tentang KEMAS.

Penulisan ini juga menggambarkan secara umum kegiatan-kegiatan KEMAS seperti yang dikehendaki oleh

BAB II

kerajaan. Gambaran secara umum akan dapat memberikan pengetahuan kepada pembacanya.

2.1 Pendahuluan

Dengan adanya kajian ini juga sedikit sebanyak telah mendedahkan kepada umum beberapa kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam agensi ini. Secara tidak langsung pula, ia akan memberi beberapa kepentingan-kepentingan tertentu sama ada bagi agensi itu dan juga orang yang menyertainya.

Kajian ini merupakan sebuah kajian awal di mana terdapat sedikit sebanyak kelemahan-kelemahan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang memerlukan kajian-kajian yang lebih mendalam pada masa-masa yang akan datang.

Walaupun mencapai pemergruaan sosial, ekonomi dan politik, fungsi boleh dicapai melalui solusi-solusinya. Kestabilan politik, kesajahanan ekonomi dan harmoni sosial. Oleh itu program-program ke arah recessi hasil tersebut selain dan selang sifat dirancang dan dijalankan di negara-negara sedang mengembang atau negara-duaria ketiga. Negara-negara ini dikuasai seropoker pakar tanah jajahan di mana pentadbiran penjajah hanya memantulkan keuntungan mereka sahaja. Selaras mencapai keserdekaan, sebaliknya dapat bagi menyusun semula dan memperbaiki kontingenasyarakat mengikut aliran-aliran yang tertentu oleh perundangan-pemerintah berpatuh. Murni yang ingin

~~dicapai selain peringangan~~ BAB II ~~arakat yang seterusnya di~~  
~~sejajar dengan pembangunan negara seluruhnya~~  
**RANGKA KONSEP PEMBANGUNAN**  
~~dalam segala bidang serta mencapai kesejahteraan bersama.~~

**2.1 Pengenalan**

~~2.2 PEMBANGUNAN – SATU TINJAUAN UMUM~~  
Di dalam konteks pembangunan, semua negara di dunia telah dan sedang memberi tekanan yang kuat kepada ideologi pembangunan sama ada negara itu sudah maju, sudah kaya ataupun sedang membangun. Objektif dan matlamat pembangunan bertujuan untuk meninggikan taraf hidup semua rakyat agar mereka dibebaskan dari cengkaman kemiskinan dan kehinaan. Sambil mencuba meninggikan taraf hidup, ia juga bertujuan untuk merapatkan lagi jurang perbezaan pendapatan antara golongan berada dan tidak berada. Semua bangsa atau negara di dalam dunia ini mahu mencapai pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Ianya boleh dicapai melalui saluran-saluran dan kestabilan politik, kesejahteraan ekonomi dan keharmonian sosial. Oleh itu program-program ke arah pencapaian hasrat tersebut telah dan sedang giat dirancang dan dijalankan di negara-negara sedang membangun atau negara dunia ketiga. Negara-negara ini dahulunya merupakan bekas tanah jajahan di mana pentadbiran penjajah hanya mementingkan keuntungan mereka sahaja. Selepas mencapai kemerdekaan, segala usaha dibuat bagi menyusun semula dan memperbaiki kehidupan masyarakat mengikut nilai-nilai yang tertentu oleh pemerintah-pemerintah tempatan. Hasrat yang ingin

dicapai ialah pembangunan masyarakat yang seterusnya diharapkan membawa kepada pembangunan negara seluruhnya dalam segala bidang serta mencapai kemakmuran bersama.

## 2.2 PEMBANGUNAN - SATU TUNJAUAN UMUM

Konsep pembangunan adalah satu konsep yang bersifat normatif. Hingga kini tidak ada satu definisi yang boleh mewakili "pembangunan" dalam ertikata yang sebenarnya. Dengan kata lain, satu definisi mutlak mengenai pembangunan adalah sukar dicapai. Ini adalah kerana setiap pengkaji mengikut nilai, keperluan, orientasi dan fahaman tertentu di dalam membuat definisi-definisi ini. Misalnya seorang yang berfahaman Marxist atau Sosialis berbeza pandangannya dengan seorang yang berfahaman Liberal atau Kapitalis. Begitu juga seorang yang mendekati pembangunan dari sudut ekonomi akan berbeza pandangannya dengan seorang yang melihatnya dari sudut sosial dan politik. Juga seorang yang kuat pegangan ugamanya berbeza tanggapannya dengan orang-orang yang berfahaman sekular atau atheis mengenai pembangunan. Pertentangan-pertentangan atau perselisihan pendapat para sarjana di dalam membahaskan hal ini sering berlaku yang tentunya mempunyai perkaitan rapat dengan corak pendidikan yang diterimanya.

Oleh itu, pembangunan secara kasarnya bolehlah didefinisikan sebagai satu proses yang membawa

perubahan kepada "serangkaian nilai" dalam satu-satu masyarakat atau negara. "Serangkaian nilai" ini boleh jadi dari segi sosial, ekonomi atau politik. Oleh itu dalam lain perkataan, pembangunan itu akan membawa taraf sosial, ekonomi dan politik satu-satu masyarakat atau negara itu ke taraf yang lebih baik daripada yang telah sedia ada.

Di kalangan ahli - ahli ekonomi, pembangunan diambil sebagai sama dengan pertumbuhan ekonomi, industrialisasi, modenisasi dan juga urbanisasi. Mereka juga telah merangkakan kaedah-kaedah yang sesuai untuk mengukur pembangunan. Kriteria yang paling biasa digunakan ialah dengan melihat Kadar Pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) sesebuah negara dan pendapatan perkapita penduduknya.

Kegiatan pembangunan ekonomi selalu dipandang sebagai sebahagian dari keseluruhan sesuatu usaha masyarakat untuk mengembangkan kegiatan ekonomi dan mempertinggikan tingkat pendapatan masyarakatnya. Keseluruhan usaha - usaha pembangunan meliputi juga pembangunan sosial, politik dan kebudayaan. Menurut Yeo Beng Pah (1976:1), tanpa pembangunan ekonomi tidak ada pembangunan sosial. Tanpa pembangunan sosial, pembangunan ekonomi tidak boleh jadi. Kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain.

Oleh itu ahli sains sosial berpendapat

bahawa pembangunan patut dilihat dari sudut pertumbuhan ekonomi dan juga pertumbuhan sosial. Kriteria-kriteria lain patut juga dipertimbangkan dan diambil kira di dalam memahami proses pembangunan. Kriteria-kriteria ini termasuklah kesihatan, perumahan, pemakanan, penyebaran pendapatan, kebebasan dan lain-lain aspek dan budaya.

Sementara itu Gunner Mydral (1961) mentakrifkan pembangunan sebagai;

"The movement of the whole social system upwards is what all of us in fact mean by development"

Syed Husin Ali (1979:16) pula memberi pengertian pembangunan sebagai segala pembangunan dalam semua lapangan dengan sepenuhnya tumpuan dan mementingkan soal-soal yang asas dan tidak soal-soal rambang sahaja.

Dengan itu kita boleh menyatakan pembangunan itu bukan hanya pembangunan ekonomi sahaja tetapi juga pembangunan sosial, institusi dan perubahan budaya. Dalam hal ini kita tidak dapat nafikan kepentingan ekonomi itu dalam pembangunan tetapi aspek ekonomi sahaja tidak memadai untuk melihat pembangunan sesebuah negara. Dalam kebanyakan negara-negara sedang membangun aspek lain juga dititik beratkan dalam usaha membangunkan sesuatu masyarakat itu. Aspek-aspek seperti nasionalisma, politik, keadaan sosial dan perubahan dalam jangka masa panjang juga diambil kira.

Syed Husin Ali (1981:300) menegaskan;

"Most economist see development primarily as a question of promoting economic growth. A country is considered to be developing if it shows a reasonable high rate of economic growth which is measured in terms of annual increase in the per capita national product"

Namun demikian, walaupun terdapat beberapa buah negara sedang membangun telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, tetapi masih lagi gagal menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamaan di kalangan rakyatnya. Faedah ekonomi dan pembangunan tidak selalunya 'menitik ke bawah' kepada rakyat. Akibatnya timbul satu persoalan iaitu apakah usaha-usaha pembangunan yang dijalankan itu dapat dirasakan sepenuhnya oleh rakyat. Selalunya tidak semua golongan rakyat dapat menikmati pembangunan.

Pembangunan dalam ertikata sebenarnya membayangkan bahawa keperluan rakyat atau orang ramai dalam masyarakat telah berjaya dipenuhi, taraf kebajikan ekonomi telah meningkat dan peluang-peluang untuk mendapatkan pelajaran, pekerjaan, perumahan, perkhidmatan kesihatan dan rekreasi terbuka luas. Realitinya tidak semua keperluan asas tersebut dapat dipenuhi. Lagipun pembangunan yang hanya mementingkan kepuasan kebendaan tetapi mengabaikan interaksi di antara manusia dengan manusia, tidak dapat dierangkan sebagai pembangunan tulen.

Dalam menganalisa pembangunan dalam sesebuah negara, seharusnya faktor-faktor lain juga perlu diperhitungkan kerana mengikut Syed Husin Ali (1981:298) pembangunan itu melibatkan;

"a structural transformation of the economic, society, polity and culture"

Sesebuah negara yang membangun di bidang ekonomi belum tentu lagi dapat menikmati pembangunan dalam erti kata yang sebenar kerana ia mungkin tidak dapat merasai satu suasana politik yang stabil dan keadaan sosial yang benar-benar adil. Kemungkinan besar hanya sebilangan rakyat sahaja yang benar-benar dapat menikmati faedah pembangunan secara maksimum dan dapat memenuhi kehendak rakyat.

Sekiranya sesebuah negara itu lebih menekankan konsep pembangunan dengan menilai dari sudut ekonomi, maka ia lebih menitikberatkan kepada soal-soal peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi tahunan dan seterusnya membawa kepada pertambahan dalam pendapatan perkapita. Andaian yang dibuat ialah taraf hidup yang tinggi itu akan menunjukkan kejayaan pembangunan sesebuah negara.

Dari sudut sosio-ekonomi, penekanan terhadap pembangunan lebih dipentingkan kepada sesuatu yang hanya dapat memberikan faedah di mana peningkatan daya pengeluaran adalah menjadi matlamat utama. Segala

projek pembangunan yang dirancang untuk tujuan perindustrian adalah dengan tidak mengambil kesan jangka panjang yang mungkin di hadapi pada masa depan kerana semuanya dilakukan semata-mata dengan alasan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

Sementara itu pembangunan di sudut sosial pula merupakan satu perubahan dalam struktur sosial. Pembangunan ini tertumpu kepada sesuatu yang boleh mendorong kepada perubahan-perubahan corak hidup misalnya dapat mempereratkan lagi perhubungan antara penduduk dengan penyediaan pelbagai kemudahan sosial dan infrastruktur seperti pelajaran, sains dan teknologi, kesihatan dan sebagainya. Kesemua ini dilakukan hanya untuk membawa perubahan kepada corak kehidupan masyarakat.

Dalam satu ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad di mana beliau antara lain menegaskan bahawa pembangunan negara adalah satu proses yang rumit. Kita bukan sahaja berhadapan dengan masalah ekonomi, politik dan pentadbiran tetapi juga dengan masalah sosial dan pemikiran manusia dan masyarakat. Di sinilah silapnya pakar-pakar ekonomi yang melihat pembangunan hanya sebagai satu proses perkembangan dan peningkatan dasar kemajuan ekonomi sahaja (Dewan Masyarakat, Ogos 1982:13)

sekiranya fahaman itu diteruskan dalam perancangan pembangunan negara dan penilaian pembangunan itu, maka timbulah nanti keadaan di mana ekonomi negara berkembang dengan pesatnya tetapi masyarakat dari golongan miskin akan terus menderita dengan rasa tidak puas hati kepada kerajaan. Hanya apabila kemajuan ekonomi berjalan serentak dengan kemajuan sosial dan kerohanian masyarakat barulah pembangunan itu membawa penuh erti. Penilaian pembangunan dari sudut fizikal dan kebendaan sahaja tidak cukup lagi, ia harus meliputi aspek sosial secara lebih 'multi-disciplinary' dan cuba menilai kesan pembangunan itu terhadap kualiti hidup rakyat keseluruhannya.

Dengan demikian untuk mengarahkan kepada pembangunan dalam ertikata yang sebenar, kita perlu meletakkan tekanan kepada rakyat bukannya kepada benda/fizikal semata-mata. Interaksi di antara anggota masyarakat harus diutamakan. Perancangan yang teliti perlu dibuat supaya segala dapat dinikmati sepenuhnya tanpa menghadapi krisis sosio-ekonomi yang boleh melibatkan ketegangan dalam masyarakat.

### **2.3 PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

Mengikut definisi yang dipersetujui di Bangsa-Bangsa Bersatu (The United Nations:1969) pula, Pembangunan Masyarakat ialah;

".....Satu proses dimana segala usaha rakyat disatupadukan dengan usaha kerajaan untuk membaiki keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan (serta politik) seluruh masyarakat, supaya usaha-usaha masyarakat itu dapat dipadukan pula dengan jiwa negara dan dengan ini masyarakat dapat memberi sumbangan yang penuh terhadap kemajuan negara".

(The United Nations, terjemahan)

Dari definisi ini didapati bahawa apa yang penting dalam Pembangunan Masyarakat ialah penyertaan anggota-anggota masyarakat dalam projek-projek pembangunan yang dilancarkan dengan inisiatif yang timbul di kalangan mereka sendiri, gabungan usaha-usaha rakyat dan penganjur serta peruntukan perkhidmatan teknikal dan lain-lain oleh penganjur yang dapat menolong menimbulkan inisiatif masyarakat.

Penyertaan rakyat diperlukan di dalam program-program Pembangunan Masyarakat. Penyertaan yang bercorak aktif, bebas dan sukarela dapat mengelakkan sikap ingin bergantung kepada orang lain. Penyertaan yang bercorak kerjasama adalah perlu dalam proses Pembangunan Masyarakat dengan tujuan mengelakkan konflik di kalangan masyarakat. Kehendak-kehendak atau keperluan masyarakat hanya akan di capai melalui gabungan usaha semua anggota dan dengan cara menyatukan keupayaan tempatan ke arah pencapaian tujuan-tujuan yang sama.

Inisiatif masyarakat adalah satu perkara yang mesti dititikberatkan dalam pelancaran program-program pembangunan. Setengah agen yang melancarkan

program-program Pembangunan Masyarakat tidak menghiraukan atau mementingkan inisiatif masyarakat. Mereka terus merancang program-program yang lengkap dan khusus untuk tujuan ini. Mereka pentingkan kerja yang hendak dijalankan tanpa memperhitungkan hasil kerja itu sendiri. Mereka menumpukan kepada proses Pembangunan Masyarakat lebih dari hasil yang diperolehi.

Setiap program-program pembangunan yang dilancarkan, di peringkat awalnya tidak dapat sambutan yang sepenuhnya oleh masyarakat. Pihak pengajur terpaksa berusaha untuk menarik minat rakyat dengan memberi bantuan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Tanpa persediaan-persediaan yang bercorak psikologi, seperti mendapat latihan-latihan dan penerangan-penerangan tertentu pihak rakyat akan terus melihat sesuatu itu dengan perasaan ragu-ragu dan penuh rasa curiga.

Bantuan-bantuan dan perkhidmatan yang diberi oleh pihak pengajur tidak akan mendapat penghargaan dari rakyat jikalau rakyat sendiri tidak tahu akan tafsirannya. Bantuan-bantuan ini sebaliknya akan melahirkan sikap ingin bergantung kepada orang lain dan mengurangkan semangat kerjasama. Inisiatif masyarakat dapat mengurangkan sikap terlalu bergantung ini dan menggalakkan kegiatan-kegiatan yang bercorak berusaha sendiri. Inisiatif masyarakat adalah merupakan

satu tenaga penggerak yang kuat untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu, berdikari dan bertanggungjawab kepada cabaran-cabaran dan perubahan-perubahan yang di perkenalkan. Usaha-usaha rakyat jika digabungkan dengan usaha-usaha kerajaan dapat menghasilkan kejayaan yang lebih berkesan terhadap kesejahteraan hidup masyarakat berkenaan. Kelicinan pelancaran program-program pembangunan juga bergantung kepada darjah koordinasi usaha-usaha rakyat dan kerajaan ini ke arah pencapaian objektif-objektif tertentu. Disamping inisiatif dan kerjasama masyarakat, satu perkara yang tidak kurang pentingnya ialah rancangan-rancangan pembangunan yang dilancarkan itu mestilah berdasarkan kepada keperluan-keperluan tertentu dan berbeza dengan keperluan-keperluan masyarakat lain.

Rancangan Pembangunan Masyarakat yang tidak berdasarkan keperluan rakyat, tidak akan membawa hasil yang memuaskan. Rakyat atau anggota masyarakat tidak dapat memberikan sokongan dan kerjasama yang efektif dalam program-program yang dilancarkan jikalau mereka memikirkan satu-satu rancangan itu hanya dibawa masuk oleh penganjur dan tidak selaras dengan sesuatu yang mereka betul-betul perlukan.

Dengan tercapainya objektif dalam gerakan-gerakan pembangunan masyarakat ini, satu transformasi sosial dalam masyarakat-masyarakat tertentu dapat diwujudkan. Dalam bidang ekonomi

misalnya, usaha-usaha seharusnya dipergiatkan untuk meninggikan pendapatan dan taraf hidup rakyat melalui pelancaran projek-projek ekonomi dalam masyarakat yang seboleh-bolehnya berdasarkan kepada prinsip-prinsip berdikari. Kemajuan-kemajuan dalam bidang sosial seperti pelajaran, kesihatan dan kebajikan yang lain adalah perlu diusahakan serentak dengan kemajuan-kemajuan kebendaan ini. Sebenarnya Pembangunan Masyarakat memerlukan satu gabungan proses yang menekankan kepada perubahan anggota-anggota masyarakat dari segi sosial dan psikologi, kaedah iaitu cara-cara mencapai matlamat tertentu, program yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan dan gerakan yang menumpukan kepada ide Pembangunan Masyarakat itu sendiri.

Bagi menentukan bahawa satu-satu kawasan itu mencapai pembangunan atau tidak, maka kemasukan program-program pembangunan oleh pihak agen sahaja tidak boleh dijadikan ukuran. Apa yang penting ialah penyertaan masyarakat di dalam satu-satu program itu serta pencapaian yang positif melalui penyertaan tersebut. Jika kedua-dua hal ini memuaskan maka matlamat pihak pengajur mahu membangunkan masyarakat tersebut boleh dikatakan tercapai.

Sebagai rumusan pembangunan masyarakat ialah satu gerakan universal yang dilancarkan oleh semua negara di dunia terutama sekali negara-negara membangun.

Negara-negara ini menumpukan perhatian kepada pelancaran program pembangunan kepada satu-satu masyarakat dalam bidang yang lebih luas dan usaha pembangunan juga dijalankan dengan pihak kerajaan menyediakan program-program tertentu untuk memberi perangsang dan semangat supaya rakyat dapat memperbaiki keadaan hidup mereka yang dikenali dengan "Program-program Pembangunan Masyarakat".

#### 2.4 PEMBANGUNAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

Definisi Pembangunan Masyarakat seperti yang dikemukakan di Persidangan Pembangunan Masyarakat di Taiping, Perak dalam tahun 1953 berbunyi;

"Pembangunan Masyarakat adalah satu pergerakan yang diatur untuk menggalakkan pencapaian hidup yang lebih baik bagi keseluruhan masyarakat dengan penyertaan aktif serta dengan daya usahamasyarakat itu sendiri".

Pembangunan masyarakat merupakan sebahagian daripada konsep pembangunan negara yang besar dan luas. Sungguhpun pada istilahnya pembangunan masyarakat diertikan sebagai satu pergerakan yang menuju kepada kemajuan masyarakat, namun ia dapat dianggap sebagai satu teknik untuk menolong menggerakkan pembangunan negara. Polisi pembangunan hanya dapat berjaya bila keadaan ekonomi, sosial dan cara kehidupan masyarakat telah dapat diperkuuhkan. Atas kesedaran inilah kerajaan telah melancarkan beberapa rancangan

pembangunan masyarakat yang bertujuan untuk meninggikan lagi taraf kehidupan rakyat terutamanya penduduk luar bandar. Sejak dari tahun 1960 beberapa arahan telah di keluarkan seperti memberi penekanan utama kepada pembasmian buta huruf, juga menekankan matlamat berdikari dan jayadiri. Pada tahun 1962 kerajaan telah mengemukakan konsep Gerakan Pembaharuan dengan penekanan usaha kepada pembaharuan sikap dan cara hidup masyarakat luar bandar. Gerakan berdikari dan jaya diri telah menegaskan semula penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam usaha pembangunan. Ini telah menambah kesediaan orang ramai untuk bekerjasama dengan kerajaan demi kemajuan negara. Usaha Gerakan Pembaharuan telah dapat memperkenalkan cara-cara bekerja yang berdasarkan teknologi moden, dan hasilnya sangat memuaskan.

Pembangunan masyarakat bukanlah perkara baru bagi Malaysia kerana ia telah diamalkan oleh ketua-ketua masyarakat sejak berzaman apabila mereka cuba memajukan masyarakat yang mereka pimpin. Ini dapat dilihat seperti semangat kerjasama, bergotong-royong dan memperbaiki taraf hidup diri sendiri itu memang telah sedia terjalin. Apa yang baru ialah caranya, iaitu cara-cara untuk menyebarkan amalan ini keseluruh negara mengikut kehendak dan keperluan dunia moden dengan menggunakan teknik-teknik yang tertentu.

Amalan pembangunan masyarakat adalah di dapati berlainan diantara sesebuah negara dengan

negara yang lain. Ini adalah bergantung kepada keadaan sesebuah negara itu dan sistem pentadbiran, ekonomi, politik dan sosial yang digunakan serta keupayaan negara itu sendiri untuk memajukan masyarakat. Walaupun berlainan cara yang digunakan tetapi prinsip-prinsipnya adalah sama.

Setelah tamatnya darurat pada 1960, pembangunan masyarakat telah dijadikan sebahagian daripada pembangunan negara dalam Rancangan Lima Tahun Kedua bagi Malaya (1961-1965). Pembangunan masyarakat diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar. Pelancaran Rancangan Pelajaran Dewasa dan Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung pada tahun 1961 itu adalah menggambarkan usaha-usaha awal bagi pembangunan masyarakat. Setelah itu usaha-usaha ini telah di perkuatkan lagi dengan pelancaran Kempen GERAKAN MAJU (1966), JAYADIRI (1968) dan Gerakan Pembaharuan (1972) yang merupakan pembangunan masyarakat di bawah Kementerian Negara dan Luar Bandar.

Oleh kerana pembangunan merangkumi segala aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi dan politik maka ia mestilah dihubungkan dengan perancangan yang teliti, serta melibatkan ahli-ahli dalam tiap-tiap bidang tersebut. Dengan lain perkataan pembangunan yang hendak dijalankan itu memerlukan satu perancangan yang menyeluruh dalam semua bidang. Ianya berhubung rapat

dengan perancangan ekonomi, politik dan sosial di mana ianya tidak dapat dipisahkan. Ini jelas seperti yang dijelaskan oleh Griffin dan Enos (1970:6):

"Each economic decision is also a political and social decision for one cannot change the structure of the economy without changing the distribution of power or the relation between its citizens because economic decision have political and social consequence"

Dengan adanya perancangan dan strategi yang menyeluruh, diharapkan pembangunan dalam ertikata sebenar dapat dicapai, di mana ia boleh memenuhi segala kehendak manusia di samping dapat memberi kepuasan dan memperbaiki taraf kehidupan sosial manusia.

Rancangan-rancangan pembangunan di Malaysia adalah berdasarkan kepada program-program pembangunan yang terkandung di dalam "Buku Merah Negara" yang disediakan khas untuk tujuan ini. Pelancaran rancangan-rancangan pembangunan ini adalah mengikut peringkat-peringkat tertentu yang ditetapkan di dalam Rancangan Lima Tahun. Apabila pelancaran "Buku Merah Negara" dibuat untuk tujuan pembangunan luar bandar secara besar-besaran pada tahun 1961, pembangunan masyarakat dijadikan sebahagian dari keseluruhan rancangan itu. Pembangunan masyarakat yang dimaksudkan adalah berupa pelancaran Pelajaran Dewasa (1961) ke arah pembasmian buta huruf disamping menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung bagi tujuan membawa rakyat bersama-sama berunding, menentukan masalah

mereka, membuat perancangan sendiri dan menyokong kerajaan dalam apa jua bentuk rancangan pembangunan negara. Ini kerana pembangunan negara tidak akan tercapai sepenuhnya tanpa sokongan penuh dari rakyat.

Pembangunan Masyarakat yang dilaksanakan di bandar pula adalah berlainan caranya dan diberi nama Pertubuhan Masyarakat atau kadangkala disebut sebagai Perhubungan masyarakat. Di kawasan bandar sebagaimana yang diketahui darjat kebendaannya adalah tinggi dan perasaan bermasyarakat itu kadangkala tidak ada. Maka Pembangunan Masyarakat di sini cuba menyusun semula keadaan supaya dapat mengadakan perasaan bermasyarakat, perpaduan dan kerjasama di antara penduduk-penduduk melalui pertubuhan-pertubuhan dan kegiatan-kegiatan tertentu. Sebagai contohnya Majlis Perhubungan Masyarakat (MPM) mengadakan aktiviti-aktiviti tertentu untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat.

Perlu ditekankan bahawa rancangan pembangunan masyarakat tidaklah seharusnya menjadi kegiatan-kegiatan yang ditumpukan khusus untuk kumpulan orang-orang dewasa sahaja. Rancangan Pembangunan Masyarakat adalah untuk semua masyarakat dengan tidak mengenal batas-batas umur atau tempat.

Demikian pula perlu diambil perhatian bahawa rancangan-rancangan pembangunan masyarakat

tidaklah harus menjadi satu tugas yang boleh di pertanggungjawabkan kepada mana-mana satu badan kerajaan sahaja untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan.

Rancangan agensi-agensi kerajaan adalah bertujuan bagi mencapai kelembahan dan seluruh rakyat secara dari segi sosial, ekonomi ataupun politik. Ini dapat dilihat di dalam objektif pembentukan dan strategi-strategi yang diturun adalah berdasarkan antarumat-maillah tersusut. Oleh itu bagi mendekati golongan menggalas agensi pembangunan, penggalas telah membuat Kemajuan Nasional (KNN) sebagai sebuah agensi pembangunan merupakan.

### 3.2 Sejarah dan Isi kerjelamah KENAS

Kemajuan Nasional singkatan dari Kemajuan Nasional dan telah dilaksanakan dengan nama Bahagian Kemajuan Nasional di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Loar Bandar.

Kemajuan negoi penduduk yang dijalankan pada tahun 1957 di dapati bahawa dari jumlah 11,107,000 orang penduduk Semenanjung Tanah Melayu, sebanyak 3,520,520 orang adalah terdiri daripada golongan orang dewasa (berumur 15 tahun ke atas) dan sebanyak 1,848,983 orang dari mereka itu masih tidak literat, yakni tidak tahu baca tulis matematik dan menulis. Mungkin kerana 1,657,602 orang lagi telah kemas literat tetapi hanya tahu

### BAB III

## LATARBELAKANG SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KEMAS

### 3.1 Pengenalan.

Penubuhan agensi-agensi kerajaan adalah bertujuan bagi mencapai kesejahteraan seluruh rakyat samada dari segi sosial, ekonomi ataupun politik. Ini dapat dilihat di dalam objektif penubahannya dan strategi-strategi yang diatur adalah bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut. Oleh itu bagi mendapatkan gambaran mengenai agensi pembangunan, pengkaji telah memilih Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai sebuah agensi pembangunan masyarakat.

### 3.2 Sejarah dan latarbelakang KEMAS

'KEMAS' ialah singkatan dari Kemajuan Masyarakat dan lebih dikenali dengan nama Bahagian Kemajuan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Mengikut banci penduduk yang dijalankan pada tahun 1957 di dapati bahawa dari jumlah 11,107,000 orang penduduk Semenanjung Tanah Melayu, seramai 3,526,550 orang adalah terdiri daripada golongan orang dewasa (berumur 15 tahun ke atas) dan seramai 1,868,948 orang dari mereka itu adalah buta huruf, yakni tidak tahu langsung membaca dan menulis. Manakala seramai 1,657,602 orang lagi telah kenal huruf tetapi hanya tahu

dalam tulisan dan bahasa ibunda masing-masing sahaja. Sementara itu juga terdapat pula seramai 2,379,213 orang penduduk yang berumur antara 10 hingga 14 tahun buta huruf dalam Bahasa Kebangsaan yakni tidak tahu membaca dan menulis rumi.

Kerajaan menyedari bahawa perkembangan ekonomi dan pembangunan tidak hanya bergantung semata-mata kepada modal tetapi penyertaan serta sokongan rakyat adalah penting untuk menghasilkan kejayaan dalam rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan. Ini memerlukan rakyat yang berpengetahuan dan berpelajaran untuk memahami rancangan-rancangan kerajaan yang akan dijalankan.

Berasaskan kepada fakta seperti di atas maka kerajaan menerusi Kertas Kabinet Bil: 385/25/60 telah meluluskan penubuhan Bahagian Pelajaran Dewasa dan Perlaksanaan Pelajaran Dewasa telah ditentukan mengikut kertas Kabinet Bil: 2/54/61. Tujuan utama pengwujudannya adalah untuk menglibatkan penyertaan rakyat secara aktif dalam proses pembangunan negara.

Dasar Kerajaan bagi Bahagian Pelajaran Dewasa yang pada waktu itu diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar adalah untuk membentras buta huruf dan menggalakkan pembelajaran Bahasa Kebangsaan. Strategi yang merupakan fungsi utama adalah mengajar rakyat menulis dan membaca supaya

membolehkan mereka:

1. Memahami Bahasa Kebangsaan dengan betul dan fasih;
2. Memahami bahan-bahan bertulis berkaitan dengan kehidupan seharian dan tahu mengeluarkan buah fikiran cara bertulis;
3. Membuat kira-kira yang senang bagi menghitung;
4. Mempunyai asas pengetahuan mengenai Sejarah, Ilmu Alam, Kesihatan, Perekonomian Kampung dan lain-lain pengetahuan masyarakat.
5. Mengetahui dan menyedari tanggungjawab sebagai warganegara yang taat setia terhadap sistem pentadbiran kerajaan, kebudayaan dan keturunan masyarakat, perhubungan kebangsaan di dalam dan luar negeri.

Bagi melaksanakan rancangan ini pada tahun 1961, Bahagian Pelajaran Dewasa telah mengadakan kelas-kelas Bahasa Kebangsaan dan mendapatkan perkhidmatan seramai 18,760 orang guru-guru yang berkebolehan (kebanyakannya terdiri dari guru-guru Sekolah Kebangsaan) untuk mengajar kelas itu. Jumlah orang-orang yang dapat menikmati rancangan pelajaran dewasa ialah lebih kurang 500,000 pada tiap-tiap tahun.

Pada asalnya bahagian ini telah menitikberatkan pembenterasan buta huruf melalui pelajaran dewasa. Usaha ini dipergiatkan atas kesedaran bahawa buta huruf menjadi batu penghalang kepada usaha pembangunan negara. Selepas 10 tahun bahagian ini

ditubuhkan ia telah munumpukan pula kepada aspek pembangunan masyarakat mengikut takrif Bangsa-bangsa Bersatu iaitu;

"Suatu proses menyatupadukan usaha rakyat dengan usaha kerajaan untuk memperbaiki keadaan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik seluruh masyarakat supaya usaha-usaha masyarakat itu dapat dipadukan pula dengan jiwa negara dan dengan itu masyarakat memberi sumbangan yang penuh terhadap kemajuan masyarakat".

Pelajaran Dewasa telah menjalankan sebanyak 8,5 juta pelajar ke arah Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dalam membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Bagi wanita-wanita pula telah diadakan latihan-latihan dalam urusan dan ekonomi rumah tangga yang mula diperkenalkan dalam tahun 1963. Dalam bidang ini, dengan perkhidmatan seramai 1,167 Pemaju-pemaju Kampong (Selepas mendapat latihan ekonomi rumah tangga) telah disertai oleh seramai 55,457 orang pelajar-pelajar wanita.

Bahagian Pelajaran Dewasa telah memperluaskan lagi kegiatan-kegiatannya dan pada 14 Mac 1966 telah melancarkan Gerakan Maju yang membawakan konsep Pembangunan Masyarakat dan meliputi aspek-aspek pembangunan fizikal, kesihatan dan pertanian di luar bandar serta menitikberatkan Projek Khasiat Makanan (Applied Nutrition Project).

Dalam tahun 1968 konsep JAYADIRI telah di

perkenalkan di seluruh negara dan Bahagian Pelajaran Dewasa telah diberi peranan untuk mengubah sikap masyarakat kearah kemajuan dan berdikari. Ini di perkukuhkan lagi dengan unsur-unsur pembangunan kerohanian di mana usaha Bahagian Pelajaran Dewasa juga diberi arahan menjalankan kegiatan bimbingan Agama Islam bagi orang-orang dewasa. Mengikut rekod Bahagian Pelajaran Dewasa telah menjalankan sebanyak 4,581 kelas-kelas ugama dengan pesertanya berjumlah 118,045 orang dewasa dalam tahun 1968.

Dari masa ke semasa perancangan terus dibuat untuk memperluaskan lagi bidang kegiatan Bahagian Pelajaran Dewasa. Pada awal tahun 1969 bahagian ini telah melancarkan kegiatan Kelas Latihan Kerja yang bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kerjatangan kepada orang-orang dewasa sesuai dengan prinsip-prinsip JAYADIRI. Pada permulaannya sebanyak 204 kelas latih kerja yang diadakan di seluruh negara. Seramai 158 orang tenaga pengajar berkemahiran telah didapatkan dan jumlah peserta-peserta yang mengikuti kelas-kelas itu ialah 4,348 orang.

Setelah Bahagian Pelajaran Dewasa menjalankan kegiatan-kegiatannya selama 8 tahun lebih daripada sejuta orang telah dapat menikmati faedah rancangan pembasmian buta huruf. Pada masa itu kerajaan merasakan bahawa rakyat, terutamanya penduduk luar bandar perlu diberi bimbingan yang lebih luas supaya dapat memainkan

peranan mereka dalam rancangan-rancangan pembangunan. Bagi mencapai maksud ini maka sempena dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kedua dalam tahun 1971 tumpuan Bahagian ini telah diubahsuai dengan memberi penekanan terhadap Kemajuan Masyarakat dalam erti kata yang sebenar.

Pada tahun 1970 KEMAS telah mengubah perancangan dalam proses pembangunan masyarakat terutama dalam kempen pembaharuan (Gerakan Pembaharuan 1971).

1. Mengubah SIKAP masyarakat supaya lebih cenderung kepada kemajuan dan sedia menyertai secara aktif dalam perkembangan sosio-ekonomi dan politik.
2. Membimbing masyarakat menggunakan USAHA SENDIRI untuk mengatasi masalah sendiri dan membaiki keadaan ekonomi dan sosial mereka dengan lain perkataan masyarakat menolong diri sendiri.

### 3.3 OBJEKTIF KEMAS

Peranan dan kerja-kerja KEMAS menjadi lebih meluas dalam Rancangan-rancangan Malaysia. Dalam menjalankan program dan aktivitinya, objektif KEMAS adalah seperti berikut;

- i) Mengubah sikap dan menyemai perasaan kesedaran di kalangan masyarakat untuk membina satu masyarakat yang maju dan berdikari.
- ii) Mewujudkan inisiatif dan perasaan tanggungjawab

menyokong aktiviti pembangunan yang dijalankan. Tinggakan setiap anggota masyarakat dalam pembangunan sosial, ini akan memudahkan projek-projek kerajaan diterima dan ekonomi dan politik.

disebabkan oleh masyarakat,

iii) Melibatkan rakyat untuk menurut serta secara aktif

ii) bagi menjayakan matlamat kerajaan dan negara.

iv) Menggerakkan kerjasama di kalangan rakyat dan di antara rakyat dengan kerajaan disamping mendapatkan sokongan mereka terhadap usaha-usaha meningkatkan lagi taraf hidup mereka. Ia juga cuba pembangunan negara.

Kesimpulannya KEMAS adalah sebagai nadi penggerak dan pendorong masyarakat ke arah kemajuan.

KEMAS memainkan peranan, menyediakan suasana dan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya mengubah sikap, bersemangat untuk berdikari, cenderung kepada kemajuan serta melibatkan diri dan menyertai secara aktif dalam semua rancangan pembangunan kerajaan. Di samping itu KEMAS membantu dan bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan dalam membangunkan sosio-ekonomi luar bandar.

### 3.4 STRATEGI KEMAS

Bagi mencapai dan menjayakan objektif tersebut, KEMAS telah menyusun strategi pelaksanaannya iaitu:

i) Menyediakan masyarakat (yang menyokong pembangunan).

Ia merupakan satu proses menyediakan masyarakat supaya sedar, sanggup dan berminat serta

menyokong aktiviti pembangunan yang dijalankan. Tindakan ini akan memudahkan projek-projek kerajaan diterima dan disertai oleh masyarakat.

ii) Membina Daya Usaha Masyarakat Untuk Maju.

Ia adalah satu usaha untuk menggembeling dan mendapatkan penyertaan masyarakat secara aktif untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka. Ia juga cuba mengikis sikap negatif yang mengharapkan bantuan kerajaan sahaja. Dengan cara ini masyarakat akan menyedari peluang dan peranan mereka dalam pembangunan.

iii) 'Underpinning' usaha-usaha jabatan/agensi lain.

Ia adalah usaha untuk mendapatkan kefahaman dan kesediaan masyarakat untuk memberi kerjasama kepada agensi-agensi lain dalam menyampaikan khidmat pembangunan.

Apabila terdapat beberapa maklumat yang tidak sampai, maka KEMAS akan memberi khidmat bagi mengisi kekosongan tersebut sementara menunggu khidmat dari agensi berkenaan. Langkah yang diambil adalah satu 'technical first aider' bukannya sebagai pengganti sepenuhnya kepada khidmat yang sebenarnya.

Dalam konteks pembangunan masyarakat, penglibatan dan penyertaan aktif masyarakat adalah penting. Untuk itu KEMAS berpandukan kepada konsep 3K iaitu Kehendak, Keperluan dan Keupayaan masyarakat

sendiri. Langkah ini juga bersetujuan dengan prinsip-prinsip pembangunan masyarakat.

Dengan berdasarkan pendekatan dan konsep yang dinyatakan itu, KEMAS menjalankan aktivitinya menerusi aktiviti-aktiviti Pembangunan Keluarga, Pendidikan Masyarakat dan Latihan Ke arah Pembangunan, sosio-ekonomi penduduk luar bandar. (lihat lampiran 1).

### **3.5 AKTIVITI-AKTIVITI KEMAS**

Aktiviti Bahagian Kemajuan Masyarakat terbahagi kepada 3 iaitu:

#### **1. Rancangan Pembangunan Keluarga**

i) Taman Bimbingan Kanak-kanak;

ii) Pendidikan Ekonomi Rumahtangga;

iii) Projek Kesejahteraan Keluarga;

#### **2. Program Pendidikan Masyarakat**

i) Kumpulan Agama Islam

ii) Kutubkhanah Desa

iii) Kumpulah Latih Kerja

iv) Rancangan Pedoman Tugasan

v) Rancangan Desa Usaha

#### **3. Aktiviti Latihan**

i) Latihan Pra-Perkhidmatan

ii) Latihan Dalam Perkhidmatan

iii) Latihan Kemajuan Kerjaya

### 3.5.1. Rancangan Pembangunan Keluarga

Rancangan Pembangunan Keluarga adalah aktiviti yang berbentuk menggerak dan menggalak keluarga mencapai mutu kehidupan yang sempurna bagi seluruh keluarga, khususnya dalam aspek pendidikan, kesihatan, sosio-ekonomi dan keagamaan.

#### Objekif Am

Membimbang keluarga ke arah pencapaian cara hidup berkeluarga yang sempurna dan bermutu melalui perseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan keagamaan.

#### Strategi

Program pembangunan Keluarga mengandungi beberapa aktiviti seperti:-

- a) Memberi peluang kanak-kanak 4-6 tahun mengikuti pendidikan pra sekolah melalui aktiviti TBK.
- b) Mendidik kaum wanita dalam aspek pendidikan keluarga seperti kesihatan, ekonomi dan agama.
- c) Memupuk cara-cara hidup sempurna dan setiap ahlinya dapat mengimbangkan aspek-aspek jasmaniah dan rohaniah, berkeupayaan menghadapi cabaran hidup dengan berkesan serta dapat membuat keputusan yang rasional dan bijaksana untuk memberi sumbangan ke arah pembangunan masyarakat.

i) Program Taman Bimbingan Kanak-kanak. (TBK)

Aktiviti ini mula di laksanakan diseluruh negara pada tahun 1971. Kini ia merupakan satu aktiviti yang sangat popular di kalangan masyarakat terutamanya di luar bandar.

Peranan TBK ini memberi kepada kanak-kanak mengikuti pendidikan pra sekolah untuk membentuk perkembangan menyeluruh mereka dalam aspek sosial, mental, fizikal, emosi dan rohani. Matlamat ini dijelaskan oleh KEMAS melalui didikan tidak formal "belajar melalui bermain" mengikut kadar maksima 35 orang kanak-kanak dalam sebuah kelas. Menerusi pendedahan ini kanak-kanak boleh menguasai kemahiran asas komunikasi disamping kognitif, kreatif dan mengamalkan ajaran Islam. Disamping itu juga pendidikan TBK ini adalah untuk melahirkan semangat ingin tahu di kalangan kanak-kanak, menanam nilai-nilai hidup yang positif, mempunyai semangat tolak ansur, hormat menghormati pada orang tua dan ibu bapa dan mewujudkan kefasihan bertutur.

Perlaksanaan TBK dijalankan sebagai satu dari penglibatan masyarakat. Peranan dan penyertaan masyarakat adalah satu faktor utama yang menentukan kejayaan TBK. Disini mereka mengatur, memaju dan mentadbir TBK melalui Jawatankuasa TBK.

ii) Pendidikan Ekonomi Rumahtangga. (ERT)

Program ini merupakan satu kegiatan di mana wanita-wanita secara kumpulan diberi pendidikan tidak formal dalam bidang pembangunan keluarga yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- a) Kesihatan - kesihatan dan kebersihan diri, keluarga, keluarga rumah tangga dan alam sekitar.
- b) Ekonomi - memberi bimbingan dan pendedahan cara-cara dan sumber menambah pendapatan keluarga.
- c) Pendidikan - kepentingan mendampingi anak-anak dalam konteks pendidikan, seperti bimbingan dan disiplin.
- d) Keagamaan - memberi kesedaran tentang perlunya unsur-unsur keagamaan di dalam kehidupan terutama sekali tentang kehidupan berkeluarga mengikut pandangan Islam.

Bidang lain yang akan diceburi ialah membuat barang daripada 'ceramic', permainan kanak-kanak dan pemerosesan makanan. Semua aktiviti yang disebutkan tadi adalah untuk menolong menambah pendapatan keluarga.

Satu lagi yang ditekankan dalam aktiviti ERT ialah Rumah Sempurna. Aktiviti ini merupakan satu aspek pendidikan, latihan dan kekesanan di mana keluarga dibimbing untuk mewujudkan, melaksanakan berbagai aktiviti untuk keperluan keselesaan keluarga. Aspek yang ditekan ialah kebersihan dan penyusunan rumah dan alam sekitar, menggunakan kawasan lapang secara produktif dan

bergerak untuk menyediakan individu yang mempunyai ekonomik serta sosialisasi keluarga dan masyarakat.

Pendidikan Ekonomi Rumahtangga diwujudkan untuk:  
mengejuti rato dasar kesejahteraan keluarga peringkat

- i) Memberi didikan dan kefahaman tentang peranan wanita dalam masyarakat; 1946. Resolusi seminari itu adalah
- ii) Memberi didikan kemahiran bagi menambah pendapatan keluarga;
- iii) Membimbing dan memberi kemahiran dalam mengurus sumber-sumber keluarga (tenaga, wang dan masa).
- iv) Menyedarkan wanita tentang kemudahan yang disediakan untuk kesejahteraan keluarga.

Penekanan kumpulan ERT dibuat bersetujuan dengan hal-hal pengurusan rumahtangga seperti soal-soal pemakanan, kesihatan keluarga, pengasuhan anak-anak, kawalan belanja dan kemahiran tugas. Ia merupakan bimbingan kepada wanita untuk mencapai kesejahteraan keluarga.

### iii) Projek Kesejahteraan Keluarga

Ianya merupakan satu projek bantuan UNFPA (United Nation For Population Activities) untuk melaksanakan "Pendidikan Kesejahteraan Keluarga" melalui aktiviti Pembangunan Keluarga. Program ini bertujuan untuk memperbaiki kehidupan masyarakat. Ia juga membentuk sikap, nilai kebolehan dan kemahiran untuk memenuhi kehendak masyarakat sekeliling. Kesatuan ini

bergerak untuk menyediakan individu yang mempunyai kesedaran, menghargai dan berminat dalam suasana persekitaran yang berubah-ubah. Dengan tujuan untuk menggubal satu dasar kesejahteraan keluarga peringkat kebangsaan satu seminar diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 21 Mei 1986. Resolusi seminar itu adalah seperti berikut:

a) Dasar Keluarga Negara

Membentuk suatu corak hidup kekeluargaan yang sejahtera bagi setiap keluarga di Malaysia.

b) Konsep Kesejahteraan Keluarga

Keluarga yang mempunyai ciri-ciri hidup sempurna dan setiap ahlinya dapat mengimbangkan aspek-aspek jasmaniah dan rohaniah, berkeupayaan menghadapi cabaran hidup dengan berkesan serta dapat membuat keputusan yang rasional dan bijaksana untuk sumbangan kepada pembangunan masyarakat, negara dan agama.

Kandungan Pendidikan Kesejahteraan Keluarga

Program ini akan melibatkan aktiviti ekonomi, hubungan, persekitaran fizikal, perkembangan mental serta kesihatan. Teras kepada aktivitinya ialah agama. Dalam rajah, bidang-bidang kandungan pendidikan kesejahteraan adalah seperti tertera di bawah ini:



Pihak Ibu Pejabat akan merancang perlaksanaan program ini. Kerjasama institusi tertentu akan di perolehi di dalam bidang-bidang yang mana KEMAS tidak ada kepakaran.

### 3.5.2. Program Pendidikan Masyarakat

Pendidikan masyarakat ialah aktiviti pendidikan tidak formal kepada penduduk luar bandar yang berumur 15 tahun keatas. Ia telah dimulakan pada tahun 1961 dengan pelancaran Pelajaran Dewasa Peringkat Kebangsaan. Pendidikan tidak formal ini telah diperluaskan skopnya dalam tahun-tahun seterusnya. Cawangan ini juga berusaha untuk mewujudkan perasaan bertanggungjawab di kalangan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Matlamat-matlamat ini disalurkan melalui kegiatan-

kegiatan:

- a) Kelas Agama Islam (KAI), Kelas Belajar Jawi (KBJ)
- b) Rancangan Desa Usaha (RDU)
- c) Kumpulan Latih Kerja (KLK)
- d) Rancangan Pedoman Tugasan (RPT)
- e) Kutub Khanah Desa (KKD)

a) Kelas Agama Islam (KAI)

Program pendidikan agama Islam telah digabungkan dalam aktiviti Bahagian Kemajuan Masyarakat yang berteraskan kepada Gerakan Pembangunan Masyarakat. Pendidikan agama pada suatu masa dahulu dikendalikan oleh KEMAS. Berbeza dengan masa ini apabila beberapa buah negeri telah mengambil alih tugas tersebut kecuali Kedah, Perak, Selangor dan Pahang. KEMAS bertanggungjawab mengendalikan pengurusan kegiatan didikan agama. Guru-guru agama yang bertauliah disediakan untuk membimbing kelas. Ianya diabadikan dalam semua bidang aktiviti dan mempunyai objektif seperti :-

- a)Membentuk pembangunan kemanusiaan mengikut akidah Islam;
- b)Memberi didikan dan bimbingan dalam pembangunan kerohanian;
- c)Membantu usaha-usaha pembangunan dan rancangan kerajaan berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam.

b) Rancangan Desa Usaha (RDU)

Rancangan ini telah dilancarkan pada akhir tahun 1972 untuk mendorong masyarakat desa supaya berdikari dan menghadapi masalah-masalah tempatan serta cuba mengatasinya dengan menggunakan sumber-sumber setempat secara bersepadu.

Rancangan Desa Usaha ini merupakan pembangunan di satu-satu kawasan, di dalam bidang yang ditentukan dan dikehendaki oleh penduduk setempat. Perancangan-perancangan dilaksanakan oleh penduduk desa itu sendiri melalui Jawatankuasa Kemajuan dan keselamatan Kampung atau Jawatankuasa RDU. Pihak Kerajaan memberi bantuan teknik dan menjadi penasihat kepada RDU itu. Sungguhpun demikian apa juga kemajuan yang hendak dicapai itu hendaklah selaras dengan tujuan dan dasar kerajaan.

RDU juga berusaha menggembelingkan tenaga masyarakat, ke arah kemajuan di samping menanam sikap ingin maju dan berdikari. Dalam projek ini KEMAS bergerak sebagai urusetia perlaksanaan yang melibatkan semua agensi pembangunan kerajaan.

c) Rancangan Pedoman Tugasan (RPT)

Rancangan pembasmian buta huruf telah dilancarkan di Malaysia (Malaya) di awal tahun 1961. Rancangan ini merupakan rancangan pembangunan dengan

bertujuan melibatkan masyarakat dalam pembangunan negara. Rancangan pembasmian buta huruf ini dirancangkan berjalan selama 10 tahun. Tatkala program ini dilancarkan terdapat sejumlah 3,525,500 orang penduduk yang berkeadaan buta huruf daripada jumlah penduduk seramai 7,107,000 orang. Sebahagian besar daripada penduduk yang berkeadaan buta huruf ini terdapat di kawasan-kawasan luar bandar.

Bagi melaksanakan rancangan ini, Bahagian Pelajaran Dewasa telah ditubuhkan di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan merancang dan melaksanakan kempen pembasmian buta huruf di kalangan orang dewasa Melayu dan Pelajaran Bahasa Kebangsaan kepada penduduk bukan Melayu.

Kelas-kelas belajar rumi telah ditubuhkan bagi orang-orang dewasa Melayu dan Kelas Bahasa Kebangsaan bagi orang-orang bukan Melayu yakni sebagai Bahasa Kebangsaan. Kelas Belajar Rumi (KBR) dan Kelas Bahasa Kebangsaan (KBK) ini meliputi pelajaran membaca, menulis dan mengira (3M). Program ini diperluaskan ke Sabah dan Sarawak dalam tahun 1965 apabila kedua-dua negeri bergabung dalam Malaysia pada tahun 1963.

d) Khutub Khanah Desa (KKD)

Rancangan KKD dilancarkan untuk memberi

perkhidmatan, keperluan dan keupayaan masyarakat di sesuatu kawasan itu. Sebuah Jawatankuasa KKD di peringkat kawasan itu akan ditubuhkan yang mana iaanya dianggotai oleh ahli-ahli masyarakat tempatan. KKD ini mestilah terletak di kawasan luar bandar dan mendapat sambutan masyarakat. Masyarakat tempatan mestilah menyediakan kemudahan dari segi tempat.

e) Kumpulan Latih Kerja (KLK)

Kumpulan Latih Kerja adalah merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan oleh bahagian ini dalam usaha kerajaan untuk memajukan masyarakat dengan memberi latihan kemahiran. Antara latihan kemahiran yang diajar termasuklah jurusan-jurusan jahitan, sulaman, tenunan, motor mekanik, membaiki radio dan televisyen, anyaman (buluh, mengkuang, pandan dan rotan) dan pelbagai jenis kraftangan.

3.5.3 **Program Latihan**

Program latihan anjuran KEMAS dijalankan di Institut SEDAR (Socio-Economic Development and Attitude Reorientation Institute) pusat-pusat latihan KEMAS Melaka, Kepala Batas dan Kuala Terengganu dan pusat kegiatan Yan Kedah. Program Latihan KEMAS ada melibatkan dan mendapat kerjasama dari agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta; antaranya ialah Kementerian

Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Maktab Kerjasama Malaysia, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains, Universiti Pertanian, Pusat Ternakan Ayan, Pusat Ternakan Ikan Air Tawar, Pusat Pembibitan Udang Galah, Perpustakaan Negara, Intan, Lembaga Kependudukan Dan Pembangunan Keluarga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Teknologi MARA dan lain-lain.

Aktiviti Latihan

Aktiviti Latihan merupakan suatu aktiviti yang sangat penting dalam usaha KEMAS memelihara dan mengukuhkan tujuan dan matlamatnya dalam perubahan sikap dan penyertaan masyarakat ke arah pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Aktiviti latihan ini dijalankan menerusi 3 bidang utama:-

- i) Latihan Pra-Perkhidmatan
- ii) Latihan dalam Perkhidmatan
- iii) Latihan Kemajuan Kerjaya

i) Latihan Pra Perkhidmatan

Memberi latihan kepada bakal anggota KEMAS terutama Pemaju Masyarakat (PM) TBK dan ERT serta Penyelia Pembangunan Keluarga supaya menjadi anggota KEMAS yang cekap dalam membimbing masyarakat. Jenis-jenis kursus ialah:-

- a) Kursus Taman Bimbangan Kanak-kanak (TBK) dan Kursus Gerak Sedar.

b) Kursus Asas Ekonomi Rumahtangga dan Kemajuan Masyarakat Dan Gerak Sedar.

ii) Latihan Dalam Perkhidmatan

Memberi latihan untuk meninggikan perkhidmatan anggota KEMAS terutama di peringkat perlaksanaan aktiviti dan perancangan melalui kursus dalam bidang masing-masing samada secara teori ataupun praktikal supaya aktiviti/rancangan yang dijalankan dapat mencapai matlamatnya.

iii) Latihan Kemajuan/Kerjaya

Menguruskan latihan untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan pegawai-pegawai KEMAS dengan cara memberi peluang dan menggalakkan mereka mengikuti kursus-kursus persijilan atau diploma dan ijazah di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam maupun di luar negeri.

Sepanjang tahun 1984-85, Cawangan Latihan telah menjalankan latihan-latihan mengikut program-program yang telah dirancang. Berdasarkan kepada penyata aktiviti latihan 1984-85, didapati pada tahun 1984 seramai 2,541 orang anggota KEMAS telah menjalani latihan manakala pada tahun 1985 seramai 6,179 orang. Dari penyata ini didapati jumlah anggota yang dilatih meningkat kepada 43%.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan

aktiviti KEMAS beberapa parkara yang difikirkan perlu untuk meningkatkan lagi mutu kerja anggota KEMAS. Dalam kurikulum baru kursus-kursus ini penekanan adalah ditumpukan kepada kreativiti, motivasi, sentiviti, penyesuaian (adaptability), berpandangan jauh dan

Saikologi Desa. ~~Benda Beliau MASA dan pelajar yang akan keluar negari serta kekitangan KEMAS sendiri.~~

Adalah diharapkan dengan terlaksananya kurikulum baru ini semua anggota KEMAS akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik, berkesan di samping dapat menyumbangkan tenaga dinamik dan progresif untuk kepentingan masyarakat, negara dan agama. Satu lagi aktiviti latihan yang dijalankan oleh Institut SEDAR ialah Kursus Gerak Sedar.

#### Kursus Gerak Sedar

Dalam usaha untuk menyebarkan kefahaman dan mengubah sikap masyarakat, KEMAS melalui Institut SEDAR telah dipertanggungjawabkan secara langsung untuk merancang dan melaksanakan strategi Revolusi Semangat. Sehubungan dengan ini, Institut SEDAR telah diberi tugas untuk menyusun dan mengendalikan Kursus Gerak Sedar.

Kursus Gerak Sedar ini adalah untuk melahirkan insan yang mempunyai perasaan, cita-cita, rasa tanggungjawab dan aspirasi untuk membangun serta mempertahankan maruah ugama, bangsa dan negara. Bagi mencapai matlamat ini KEMAS menggunakan sepenuhnya mental, jasmani dan rohani bagi mencapai kemajuan

politik, ekonomi dan masyarakat.

Kumpulan sasaran Kursus Gerak Sedar ini adalah semua anggota masyarakat dari berbagai bidang dan status seperti belia/beliawanis, AJKK, pegawai kerajaan, pelajar (Maktab Rendah Sains MARA dan pelajar yang akan keluar negeri) serta kakitangan KEMAS sendiri.

Dalam menjayakan Kursus Gerak Sedar ini, anggota KEMAS dari peringkat Pegawai Ibu Pejabat, sehingga Penyelia-penyelia Kawasan telah terlibat secara langsung sebagai penceramah kursus bersama-sama dengan kakitangan Institut SEDAR sendiri.

### 3.6 ORGANISASI

Ibu Pejabat KEMAS adalah satu daripada bahagian di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ketua Pengarah KEMAS selaku ketua pentadbir organisasi akan merancang, melaksana, menyelaras dan menilai keberkesanan aktiviti-aktiviti agensi melalui 6 cawangan. (lihat lampiran 2). Cawangan yang berkesan adalah seperti berikut:

- a) Cawangan Pentadbiran dan Kewangan;
- b) Cawangan Pembangunan Keluarga;
- c) Cawangan Pendidikan Masyarakat;
- d) Cawangan Latihan;
- e) Cawangan Penilaian dan Penyelidikan.

e) Cawangan Penilaian dan Penyelidikan.

Ketaraasan Projek

Selain daripada 5 cawangan ini, Ketua Pengarah KEMAS juga mentadbir Institut SEDAR yang dibentuk khas untuk menukar sikap rakyat terhadap penbangunan sosio-ekonomi. Bertempat di Jalan Syed Putera, ianya mempunyai pengetuanya sendiri. Selain daripada Pusat Latihan Kuala Lumpur, Ketua Pengarah juga mentadbir pusat Latihan di Seberang Takir (Terengganu), Kepala Batas (Pulau Pinang) dan Pusat Latihan KEMAS Melaka.

Bangunan pusat latihan KEMAS yang ada sentiasa digunakan untuk melatih kakitangan KEMAS yang boleh menampung seramai 70 orang peserta dalam satu masa di tiap-tiap latihan. Keadaan bangunan tidak memuaskan dan ianya merupakan bangunan-bangunan lama yang telah diberikan kepada KEMAS oleh agensi-agensi lain. Bangunan Institut Sedar telah diberikan kepada KEMAS oleh RIDA (MARA). Pusat Latihan di Melaka, Terengganu dan Pulau Pinang juga merupakan bangunan-bangunan lama yang diberikan oleh RIDA (MARA).

**3.7 INSTITUT SEDAR**

Satu daripada organisasi yang penting dalam KEMAS ialah INSTITUT SEDAR. Pada masa sekarang Institut ini ditempatkan dibangunan Pusat Latihan KEMAS di Jalan Syed Putera. Satu bangunan akan dibina di Bangi di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk menampung

Keterangan Projek Jabatan Kerajaan dan Agenai-

kerajaan yang lain supaya usaha-usaha kerajaan mencapai matlamatnya.

a) Merupakan satu Institut untuk memberi latihan kepada semua golongan sama ada kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak dalam usaha-usaha pembangunan luar bandar melalui kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat.

b) Ia juga merupakan satu institusi yang akan memberi peluang kepada orang-orang dewasa yang tidak berkesempatan melanjutkan pelajaran dalam bidang pembangunan masyarakat, sebagai panduan hidup untuk menjadi ahli masyarakat yang berguna dan maju/progresif.

Tujuan Penubuhan Institut Sedar

a) Menyediakan masyarakat ke arah matlamat untuk menimbulkan minat dan kesedaran terhadap perlunya sesuatu perkhidmatan.

b) Mewujudkan inisiatif masyarakat supaya sedar akan kebolehan sendiri dan menolong mereka menggunakan kebolehan itu untuk menghadapi keperluan/masalah mereka.

c) Membantu lain-lain jabatan Kerajaan serta mengisi kekosongan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di kalangan masyarakat.

Ringkasnya, Institut SEDAR dapat memberi latihan dan kemahiran kepada semua yang terlibat dalam usaha pembangunan masyarakat. Keutamaan diberikan kepada

kakitangan KEMAS, Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi kerajaan yang lain supaya usaha-usaha kerajaan mencapai matlamatnya.

### 3.8 KEMAS Dan UMNO - SATU HUBUNGAN

KEMAS adalah satu bahagian di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk membangunkan masyarakat luar bandar dari segi ekonomi. Di samping untuk meninggikan ekonomi masyarakat luar bandar terselit juga tujuan lain iaitu untuk menguatkan politik setempat. Politik yang dimaksudkan di sini ialah parti Politik UMNO yang bergerak seiring dengan KEMAS. Ini tidak dapat dinafikan kerana tertubuhnya KEMAS adalah hasil dari pemikiran orang politik. Kakitangan-kakitangan KEMAS juga kebanyakannya adalah ahli-ahli UMNO yang bergerak cergas di dalam setiap pergerakan parti.

Peranan membangun dan menstabilkan politik negara dan menjadi pendokong dasar-dasar kerajaan dipikul oleh semua penjawat awam kerajaan. Bagi KEMAS tanggungjawabnya bukan saja menyokong dasar-dasar kerajaan tetapi juga sebagai satu agensi kerajaan untuk menambahkan sebanyak mungkin penyokong-penyokong kerajaan diluar bandar. Melalui program-programnya KEMAS berharap dapat menambahkan penyokong-penyokong UMNO kerana orang KEMAS juga adalah orang UMNO.

KEMAS juga mempunyai hubungan yang rapat dengan JKKK. JKKK adalah kumpulan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan UNMO dan kesemua JKKK adalah penyokong kuat UNMO. Dengan itu KEMAS sentiasa memberi kerjasama dalam memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk terus menyokong kerajaan khasnya UNMO. Bagi pegawai-pegawai KEMAS tanpa kesedaran politik masyarakat tidak dapat mewujudkan kehidupan yang berkualiti di kalangan masyarakat luar bandar. Mengikut Ketua Pengarah KEMAS:

"Sebagai golongan yang berada paling hampir dengan masyarakat, di samping peranan kita sebagai mata dan telinga kerajaan, saya berharap agar setiap anggota KEMAS akan bertambah peka dan sensitif terhadap sebarang perkembangan atau pergolakan yang berlaku di kawasan masing-masing, serta sentiasa aktif di dalam usaha memberi maklum balas tanpa menunggu arahan untuk berbuat demikian".

(Petikan - Suara KEMAS Bil. 2/84, m.s 2)

Dari petikan di atas, maka lebih jelas lagi tujuan tersirip KEMAS di samping menjalankan peranannya untuk membangunkan masyarakat luar bandar. Walaupun tujuan politik KEMAS tidak begitu ketara di kalangan masyarakat umum. Namun ianya dapat juga memberi kesan dalam memantapkan politik UNMO.

Sebenarnya KEMAS bergerak adalah seiring untuk membangunkan masyarakat dalam bidang ekonomi dan juga politik. Tanggapan yang mengatakan KEMAS bergerak lebih kepada politik adalah tidak benar kerana KEMAS

bergerak seiring antara politik dan ekonomi. Malangnya kerana anggota-anggota KEMAS gagal memahami peranan itu maka muncul kalangan-kalangan tertentu yang lebih berani dari ahli politik sendiri. Ini menyebabkan nama organisasi KEMAS tercemar di mata umum.

Dengan itu ternyata KEMAS mempunyai tujuan yang lain di sebalik tujuannya yang asal untuk membangunkan masyarakat luar bandar. Program-program yang dilancarkan oleh KEMAS di luar bandar memberikan peluang yang baik untuk memdapatkan sokongan dari masyarakat luar bandar kepada kerajaan khasnya UNMO.

#### Kesimpulan

Daripada apa yang telah dihuraikan di atas ternyata bahawa KEMAS mempunyai beban kerja yang berat jika dibandingkan dengan jabatan-jabatan lain. Oleh yang demikian sebagai satu organisasi yang telah diberi mandat oleh kerajaan untuk bertugas di dalam politik dan pembangunan perlu menggunakan amanat ini dengan sebaik-baik yang boleh. KEMAS perlulah melengkapkan diri di dalam segala lapangan yang berkaitan dengan kegiatan KEMAS. Segala yang difahami itu hendaklah disalurkan kepada penduduk luar bandar dengan harapan penduduk luar bandar akan merasai aspirasi kerajaan. Melalui cara ini akan dapat membawa persamaan perspektif hidup dan perjuangan di antara pemimpin dan rakyat.

## BAB IV

golongan yang berumur di bawah 30 tahun adalah kodus ramainya iaitu 15 orang atau 31.9%. Namun sahaja untuk menemui responden yang

### 4.1 Pendahuluan

berumur di bawah 20 tahun, tidak ada pun mereka hanya mengikuti jumlah keseluruhan responden yang dipilih secara random di dalam kajian ini ialah seramai 47 orang. Kesemuanya adalah terdiri daripada kaum wanita. Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan Kemajuan Masyarakat, maka pengkaji merasa perlu untuk meneliti latar belakang responden kerana golongan inilah yang mewakili seluruh pendapat peserta-peserta KEMAS. Responden-responden yang dipilih adalah terdiri dari peserta-peserta yang mengikuti kegiatan-kegiatan yang diadakan oleh KEMAS.

### 4.2 Umur Responden

Sumber Jadual 1 menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah berumur diantara 31 hingga 40 tahun. Dari jumlah keseluruhan responden, seramai 22 orang atau 46.8% yang berada dalam lingkungan umur tersebut. Manakala bilangan responden terkecil ialah di dalam lingkungan umur 41 ke atas seramai 10 orang atau 21.3%. Ini disebabkan kebanyakannya responden adalah surirumah yang kebanyakannya sudah berkahwin. Sedangkan umur 15 hingga 20 tahun adalah masih dalam alam persekolahan dan mereka tidak ada masa untuk mengikuti program yang dijalankan oleh KEMAS. Sementara itu

responden atau 31.9% mendapat pendidikan hingga ke golongan yang berumur 21 hingga 30 tahun adalah merupakan golongan yang kedua ramainya iaitu 15 orang atau 31.9%. Amat sukar untuk menemui responden yang berumur 15 hingga 20 tahun. Jika ada pun mereka hanya mengikuti ibu mereka dan secara tidak langsung juga mengikuti program-program KEMAS.

Jadual 1 : Umur Responden

Umur (Tahun)	Bilangan	Peratus
21 - 30	15	31.9
31 - 40	22	46.8
41 keatas	10	21.3
Jumlah	47	100.00

Sumber - soal-selidik.

#### 4.2.1 Taraf Pendidikan Responden

Dari segi taraf pendidikan responden didapati seramai 18 orang atau 38.3% responden bahawa lebih daripada 36% responden mendapat pendidikan sekolah rendah atau pun tidak pernah bersekolah langsung. Dari jumlah keseluruhan didapati 15 responden atau 31.9% adalah mendapat pendidikan sekolah rendah, manakala 3 orang lagi atau 6.4% tidak pernah bersekolah. Seramai 15

responden atau 31.9% mendapat pendidikan hingga ke peringkat sekolah menengah atas. Hanya 29.8% sahaja responden yang mendapat pendidikan sekolah menengah rendah. Sedangkan tidak ada responden yang pernah belajar hingga ke peringkat institut pengajian tinggi atau universiti. Dengan pendidikan yang ada pada responden sudah memadai untuk mereka mengikuti kelas-kelas yang diadakan. Tidaklah menjadi masalah kepada mereka untuk menyalin pelajaran yang diterima.

Jadual 2 Taraf Pendidikan Responden

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus
Tidak Bersekolah	3	6.4
Sek. Rendah	15	31.9
Sijil Rendah Pelajaran	14	29.8
Sijil Pelajaran Malaysia	15	31.9
Jumlah	47	100.00

Sumber - Soalselidik

#### 4.2.2 Pekerjaan Responden

Taraf pendidikan mempunyai hubungan secara langsung dengan pekerjaan responden. Semakin tinggi pendidikan seseorang itu, akan meyakinkannya mendapat

#### 4.2.3 Status Perkahwinan

pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya akan meneguhkan kedudukan ekonominya. Walaupun begitu, secara menyeluruh dapatlah dikatakan bahawa majoriti responden adalah tidak bekerja iaitu seramai 32 orang atau 68.1%. Mereka hanya surirumah. Hanya 15 orang atau 31.9% sahaja responden yang bekerja. Daripada keseluruhan responden yang bekerja seramai 10 orang atau 10.6% adalah kakitangan kerajaan dan yang selebihnya adalah bekerja sendiri. Kebanyakan mereka ini memasuki KEMAS adalah bertujuan untuk menambahkan pengetahuan dan bagi mengisi masa lapang. Dengan itu bagi responden yang bekerja adalah sukar untuk menyertai program-program kemas.

program yang dijalankan oleh KEMAS.

Jadual 3 Pekerjaan Responden

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Tidak bekerja	32	68.1
Kakitangan kerajaan	10	21.3
Bekerja sendiri	5	10.6
Swasta	0	0
Jumlah	47	100.00

Sumber - soal selidik

#### 4.2.4 Pekerjaan Ketua Rumah

Ketua rumah yang dimaklumkan di sini ialah

#### 4.2.3 Status Perkahwinan

Daripada jadual 4 di dapati majoriti responden adalah sudah berkahwin. Responden yang telah berkahwin adalah seramai 38 orang atau 80.8%. Manakala 7 orang atau 14.9% adalah masih bujang/belum kahwin. Sementara itu seramai 2 orang atau 4.3% adalah janda. Dari itu kita boleh nyatakan bahawa golongan yang telah berkahwin masih lagi boleh aktif dan masih lagi boleh bergiat dalam aktiviti-aktiviti KEMAS. Mereka dapat membahagikan masa di rumah dan juga di luar rumah. Dengan ini golongan yang telah berkahwin boleh mendapat pengalaman dalam berbagai-bagai bidang apabila menyertai program yang dijalankan oleh KEMAS.

Jadual 4 - Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Bilangan	Peratus
Sudah kahwin	38	80.8
Bujang	7	14.9
Janda	2	4.3
Jumlah	47	100.00

Sumber - soal selidik

#### 4.2.4 Pekerjaan Ketua Rumah

Ketua rumah yang dimaksudkan di sini ialah

pendapatan. Dalam Jadual 6 dapat dilihat pendapatan bapa atau suami yang bertanggungjawab ke atas mereka. Oleh kerana kajian ini dijalankan di pinggir bandar maka didapati kebanyakannya adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan. Seramai 20 orang atau 42.6% adalah terdiri dari kakitangan kerajaan. Manakala pesara adalah keduanya ramainya iaitu 11 orang atau 23.4% diikuti pula dengan bekerja sendiri seramai 11 orang atau 23.4% dan akhirnya kerja swasta iaitu seramai 5 orang atau 10.6%. Bekerja sendiri adalah seperti berniaga, membawa teksi, mengusahakan tanah dan lain-lain. Manakala kerja swasta pula seperti bekerja dengan firma-firma dan kilang-kilang yang banyak terdapat di kawasan ini.

Jadual 5 - Pekerjaan Ketua Rumah

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Kakitangan kerajaan	20	42.6
Swasta	5	10.6
Kerja Sendiri	11	23.4
Bersara	11	23.4
Jumlah	47	100.00

Sumber : Soalselidik.

#### 4.2.5 Pendapatan Ketua Rumah

Sumber : Soalselidik.

Pekerjaan adalah berkait rapat dengan

pendapatan. Dalam jadual 6 dapat dilihat pendapatan bulanan ketua rumah, di mana pendapatan \$451.00 hingga \$600.00 adalah yang terbanyak sekali iaitu 14 orang atau 29.8%. Sementara itu, pula pendapatan lebih dari \$750.00 adalah paling sedikit, responden yang mendapatnya hanya 3 orang atau 6.4% sahaja. Boleh dikatakan responden yang memperolehi pendapatan seperti yang disebutkan hidup dalam sederhana. Namun begitu, ada juga responden yang mempunyai pendapatan yang kecil iaitu di antara \$151.00 hingga \$300.00 dengan jumlah iaitu seramai 11 orang atau 23.4%. Pendapatan seperti ini adalah merupakan pendapatan yang rendah dan boleh dikatakan tidak mencukupi untuk menyara satu keluarga.

Jadual 6 : Pendapatan Ketua Rumah

Pendapatan bulanan (\$)	Bilangan	peratus
151 - 300	11	23.4
301 - 450	14	29.8
451 - 600	14	29.8
601 - 750	5	10.6
Lebih dari 750	3	6.4
<b>Jumlah</b>	<b>47</b>	<b>100</b>

#### 4.2.6 Taraf Rumah Didiami

Secara keseluruhan terdapat 4 katagori rumah yang didiami oleh responden. Dari 47 responden didapati seramai 23 orang atau 48.9% mempunyai rumah sendiri. Rumah sendiri yang dimaksudkan di sini ialah rumah murah/teres yang dibeli atau membina rumah di atas tanah sendiri. Manakala rumah yang disewa pula adalah sebanyak 11 buah atau 23.4%. Rumah-rumah yang disewa oleh responden adalah terletak di pinggir bandar. Di samping itu, ada juga responden yang mendiami rumah kerajaan atau quarters iaitu sebanyak 7 responden atau 14.9%. Mereka adalah terdiri dari kakitangan-kakitangan kerajaan. Rumah-rumah ini hanyalah buat sementara mereka masih berkhidmat dengan kerajaan. Apabila bersara mereka terpaksa berpindah ke tempat lain.

Di samping itu ada juga yang tinggal di rumah-rumah pangsa atau flat iaitu sebanyak 6 responden atau 12.8%. Mereka ini adalah terdiri dari anggota polis dan tentera. Flat-flat dan rumah pangsa ini disewa. Bayarannya adalah secara potongan bulanan gaji empunya rumah. Rumah-rumah ini juga terpaksa ditinggalkan apabila mereka bersara kelak. Bilangan mereka juga adalah besar memandangkan salah satu pusat kegiatan KEMAS adalah di rumah-rumah pangsa atau flat. (lihat jadual 7).

Jadual 7 - Taraf Rumah Didiami

Taraf Rumah	bilangan	peratus
Sendiri	23	48.9
Sewa	11	23.4
Kerajaan	7	14.9
Flat @ pangsa	6	12.8
Jumlah	47	100.00

Sumber : Soalselidik

4.2.7 Penglibatan Dalam KEMAS

Menyentuh mengenai berapa lama responden telah melibatkan diri dalam KEMAS, didapati ada responden yang telah lama dan ada juga yang baru melibatkan diri dalam KEMAS. Paling lama responden melibatkan diri dalam KEMAS ialah 12 tahun, iaitu seramai 2 orang atau 4.26%. Ini merupakan bilangan yang paling kecil sekali jika dibandingkan dengan penglibatan responden yang lain. Seramai 17 responden atau 36.17% telah melibatkan diri selama 3 hingga 4 tahun. Ini merupakan peratus yang tertinggi sekali. Terdapat juga responden yang baru 1 hingga 2 tahun menyertai KEMAS. Bilangannya tidak begitu ramai iaitu 9 orang atau

19.15%. Ini bermakna kebanyakannya responden telah melibatkan dalam KEMAS 3 tahun ke atas. Walaupun begitu usaha-usaha sedang dilakukan untuk menambahkan lagi peserta-peserta KEMAS.

Jadual 8 - Penglibatan Dalam KEMAS  
bagi setiap keluarga.

Tahun	Bilangan Keluarga	Peratus
1 - 2	9	19.15
3 - 4	17	36.17
5 - 6	11	23.40
7 - 8	4	8.51
9 - 10	4	8.51
12 keatas	2	2.26
Jumlah	47	100.00
Sumber - Soal Selidik	36	100.00

#### 4.2.8 Saiz Keluarga

Sumber : soal selidik,

Secara keseluruhannya saiz keluarga di kawasan kajian ini adalah agak sederhana. Purata bagi setiap keluarga ialah 7 orang bagi satu keluarga. (Lihat jadual 9). Sebahagian besar daripada responden iaitu 44.4% adalah terdiri dari keluarga yang dianggotai oleh 5 hingga 6 orang ahli keluarga. Jika dilihat dari

jadual 9 akan didapati bahawa sebuah rumah tangga didiami oleh seorang penghuni sahaja. Mereka ini adalah pasangan yang baru mendirikan rumah tangga. Sebanyak 2 buah keluarga atau 5.56% mempunyai anggota keluarga 9 hingga 10 orang. Ini merupakan satu saiz yang besar bagi satu-satu keluarga.

Jadual 9 - Saiz Keluarga

Saiz Keluarga	bilangan	peratus
1 - 2	1	2.78
3 - 4	12	33.33
5 - 6	16	44.44
6 - 7	3	8.33
7 - 8	2	5.56
9 - 10	2	5.56
Jumlah	36	100.00

Sumber : soalselidik.

#### 4.2.9 Bilangan Anak

Responden yang telah mendirikan rumah tangga atau berkahwin adalah seramai 36 orang. Daripada 36 orang responden yang telah berkahwin seramai 14 orang atau 43.75% mempunyai anak seramai 3 hingga 4 orang.

#### 4.3 Tujuan Memasuki KEMAS

Mempunyai anak seramai ini adalah tinggi dalam responden yang dikaji. Responden yang mempunyai anak seramai 9 hingga 10 orang pula adalah paling kecil sekali iaitu 6.25%. Angka ini adalah kecil sekali. Namun ia adalah sesuai dengan masa kini untuk menjimatkan perbelanjaan rumah tangga. Bilangan anak juga bergantung kepada ekonomi sesebuah rumah tangga. Sementara itu purata bilangan anak responden adalah seramai 6 orang. Jadual ini menunjukkan anak yang tinggal bersama sahaja. Anak yang tidak tinggal bersama tidak dimasukkan ke dalam jadual. Ini kerana ada di antara anak-anak responden yang telah berhijrah ke bandar-bandar dan bekerja di tempat lain.

Jadual 10 - Bilangan Anak

Anak	Bilangan	Peratus
1 - 2	6	18.75
3 - 4	14	43.75
5 - 6	4	12.5
7 - 8	6	18.25
9 - 10	2	6.25
Jumlah	32	100.00

Sumber : soalselidik.

#### 4.3 Tujuan Memasuki KEMAS

Memasuki sesuatu aktiviti atau pertubuhan sudah semestinya mempunyai tujuan yang tersendiri. Terdapat pelbagai tujuan yang berbeza di antara seorang dengan yang lain. Ini bergantung kepada seseorang individu itu. Begitu juga dengan peserta-peserta yang memasuki aktiviti-aktiviti KEMAS juga mempunyai tujuan di sebaliknya. Sudah semestinya tujuan itu adalah tujuan yang baik untuk masa depan mereka. Jika dilihat dari aktiviti-aktiviti KEMAS ia adalah untuk rumahtangga yang sempurna.

Masa adalah sesuatu yang berharga bagi setiap orang. Masa lapang yang tidak dipenuhi adalah sesuatu yang merugikan. Dengan itu masa lapang hendaklah dipenuhi dengan melakukan sesuatu yang berfaedah. Begitu juga dengan kebanyakan peserta-peserta KEMAS yang mengikuti aktiviti-aktiviti KEMAS ini, antara lain adalah untuk memenuhi masa lapang yang ada. Di samping dapat memenuhi masa lapang, banyak perkara yang dapat diketahui/ditimba di dalam aktiviti -aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS. Di antara yang penting adalah dari segi pengurusan ekonomi rumahtangga. Ini adalah alternatif utama KEMAS yang disalurkan melalui Rancangan Ekonomi Rumahtangga (ERT). Di samping itu mereka juga dapat mempelajari masakan dan jahitan yang diajar oleh guru-guru yang terlatih dan berpengalaman yang juga disebut sebagai Pembantu Masyarakat (PM).

Ada juga yang berpendapat dengan menyertai kegiatan kegiatan yang dijalankan oleh KEMAS (ERT), ini akan mengajar mereka kehidupan yang sempurna dan sistematik. Di mana apa yang dipelajari adalah sesuai dengan keadaan semasa. Dengan itu juga peserta-peserta dapat mempelajari apa yang mereka tidak tahu sebelumnya. Aktiviti-aktiviti KEMAS ini juga secara tidak langsung akan memberi kesedaran dan pendedahan cara yang sistematik untuk mengendalikan rumahtangga.

Selain dari itu mereka juga akan mendapat ramai kenalan dan bermesra di antara diantara satu sama lain. Kenalan-kenalan ini adalah penting, kerana apabila membuat kenduri-kendara mereka inilah yang selalu memberikan pertolongan. Ini juga adalah penting bagi kaum wanita untuk menambahkan pengalaman dan pengetahuan. Semasa aktiviti-aktiviti ini juga ada di antara peserta-peserta yang menjual kain, barang-barang solek, alat-alat dapur dan lain-lain lagi. Melalui pengalaman-pengalaman yang didapati dan dipelajari peserta-peserta akan dapat menambahkan wang saku mereka. Ini boleh terjadi apabila mereka mempraktikkan apa yang dipelajari membuat bunga-bunga gubahan dan juga mengambil upah menjahit.

#### **4.4 Penyertaan Responden Dalam Lain-lain Pertubuhan**

Pengkaji mendapati bahawa responden-responden adalah aktif dalam lain-lain pertubuhan dan badan

sukarela. Di dalam masyarakat, penglibatan individu dalam badan-badan sukarela adalah penting untuk mewujudkan satu masyarakat yang harmoni. Responden-responden menyedari bahawa tenaga mereka adalah penting dalam pertubuhan sukarela ini. Dengan, itu selain dari mengikuti aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh KEMAS, responden-responden ini juga melibatkan diri dalam badan-badan lain seperti Belia 4B, Pertubuhan Wanita (W.I), Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK), Surau, Puspanita, Politik UMNO dan lain-lain. Selalunya didapati peserta-peserta WI dan peserta-peserta KEMAS adalah orang yang sama. Begitu juga dengan jawatankuasa-jawatankuasanya adalah terdiri dari orang yang sama.

Walaupun begitu penyertaan mereka tidaklah menyeluruh. Ada juga yang menyertai hanya sebagai syarat sahaja. Tidak dinafikan bahawa ada juga di antara mereka yang memegang jawatan-jawatan penting di dalam pertubuhan-pertubuhan ini. Ada juga responden yang melibatkan diri lebih dari satu pertubuhan. Ramai di antara mereka yang memegang jawatankuasa di dalam pertubuhan-pertubuhan yang dimasuki.

Di dalam banyak pertubuhan-pertubuhan yang dimasuki, paling banyak ialah pertubuhan politik iaitu UMNO. Dalam UMNO ada juga yang memegang jawatan-jawatan penting seperti Pengurus Wanita UMNO, Naib Ketua dan juga Jawatankuasa bahagian. Namun begitu boleh

dikatakan semua ahli-ahli KEMAS adalah merupakan ahli UMNO. Mereka inilah yang bekerja keras apabila UMNO mengadakan sesuatu aktiviti. Tambahan pula semasa diadakan kempen pilihanraya, mereka bekerja siang dan malam untuk memastikan kemenangan UMNO.

Kemaskini pada pagi ini, jumlah peserta yang hadir di kawasan Tampoi-Tampoi Training Centre pada hari ini bertambah sehingga 40 orang. Pada petang-petang sebanyak 200 orang peserta turut hadir. Jumlah peserta yang hadir pada hari ini termasuk KEMAS Parlimen Tampoi yang berjumlah sebanyak 50 orang peserta. Jumlah peserta KEMAS yang auto-sign in adalah seramai 43 orang.

KEMAS Parlimen Tampoi juga menyeluruh bagi bagi-bagi aktiviti seperti pertandingan yang disertai oleh dua pejabat KEMAS. Untuk mendapatkan perakapan pengajarannya merupakan perkongsian kepada aktiviti-aktiviti mencabar. Pertandingan kalbaran, mendekati rakan-rakan keluarga dibidang kau-kau dan lain-lain lagi.

- 1) Taman Rimbangan Kasih-kasih,
- 2) Pendidikan Ekonomi Rumah tangga,
- 3) Projek Kerjasamaan Keluarga.

Pengajaril akan menyampaikan penilaian kepada Taman Rimbangan Kasih-kasih dan Projek kerjasamaan

## BAB V

### AKTIVITI KEMAS PARLIMEN TAIPING

dari pada masyarakat luar  
bandar dan juga masyarakat bandar.

#### 5.1 Pendahuluan

Seperti yang telah di maklumkan, pembahagian kawasan pentadbiran KEMAS adalah berdasarkan kawasan parlimen. Dengan itu kajian KEMAS ini telah dibuat di kawasan Parlimen Taiping. KEMAS Parlimen Taiping mempunyai 67 cawangan dengan kakitangan seramai 54 orang. Peserta-peserta KEMAS Taiping pula mempunyai seramai 2,841 orang. Ini bermakna seorang kakitangan KEMAS Parlimen Taiping bertanggungjawab ke atas 53 orang peserta. Purata peserta KEMAS bagi satu-satu kawasan adalah seramai 43 orang.

KEMAS Parlimen Taiping juga menjalankan berbagai-bagai aktiviti sepertimana yang diarahkan oleh ibu pejabat KEMAS. Untuk meringkaskan perbincangan pengkaji hanya menumpukan perhatian kepada aktiviti-aktiviti Rancangan Pembangunan Keluarga. Rancangan Pembangunan Keluarga dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

- 1) Taman Bimbungan Kanak-kanak;
- 2) Pendidikan Ekonomi Rumah tangga;
- 3) Projek Kesejahteraan Keluarga.

Pengkaji akan hanya menumpukan penelitian kepada Taman Bimbungan Kanak-kanak dan Rancangan Ekonomi

Rumah tangga kerana aktiviti-aktiviti ini merupakan aktiviti yang mendapat sambutan daripada masyarakat luar bandar dan juga masyarakat bandar.

## 5.2 ORGANISASI

Di peringkat negeri carta organisasi KEMAS mencerminkan fungsi organisasi Ibu Pejabat. Oleh yang demikian di negeri-negeri juga ada Unit Latihan, Unit Pembangunan Keluarga, Pendidikan Masyarakat, Pentadbiran dan Kewangan tetapi tidak mempunyai Unit Penilaian dan Pendidikan. (Sila lihat lampiran 2B). Bangunan di peringkat negeri merupakan bangunan Kerajaan Persekutuan manakala di peringkat Daerah pula bangunan yang diduduki oleh KEMAS merupakan bangunan-bangunan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Di Peringkat Daerah, kakitangan KEMAS ke semuanya merupakan kakitangan kontrak yang diketuai oleh Penyelia Kanan Kawasan dan dibantu oleh Penyelia Pembangunan Keluarga dan beberapa Penyelia Kawasan Dewan Undangan Negeri. (Sila lihat lampiran 2C). Di negeri-negeri yang mempunyai Bahagian Agama, KEMAS melantik Penyelia untuk tiap-tiap kawasan Parlimen. Takrif daerah KEMAS ialah Kawasan Pilihanraya Parlimen yang tidak sama dengan kawasan Pejabat Daerah. Dengan lain perkataan kawasan-kawasan KEMAS disusun mengikut struktur politik di sesebuah kawasan. Ini akan memudahkan ahli-ahli KEMAS yang terlibat secara langsung dengan politik untuk

membuat perjumpaan dan juga mesyuarat.

### 5.3 KAKITANGAN

KEMAS merupakan satu agensi yang besar jika dilihat dari segi jumlah kakitangan yang sedia ada. Kakitangan KEMAS boleh dipecahkan kepada dua (2) katagori. Yang pertama merupakan kakitangan tetap dan yang kedua adalah kakitangan yang diambil secara kontrak. Penyelia, Pemaju Masyarakat dan Pembantu Pemaju Masyarakat adalah kumpulan kakitangan yang diambil secara kontrak. Tiap-tiap Penyelia dikehendaki membuat kontrak dengan KEMAS selama dua tahun dan kontrak itu akan diperbaharui sekiranya khidmat mereka masih diperlukan oleh KEMAS. Pemaju Masyarakat pula dilantik dari bulan ke bulan sehingga setahun dan kontraknya hendaklah diperbaharui semula selepas tamat tempoh kontraknya. Pemaju Masyarakat dan Pembantunya dilantik berdasarkan kepada aktiviti KEMAS di dalam kampung setempat. Pegawai-pegawai KEMAS ini kebanyakannya penyokong kuat parti Barisan Nasional iaitu UMNO. Ini sudah menjadi syarat pegawai dan kakitangan KEMAS hendaklah bergiat aktif di dalam UMNO.

Kawasan Parlimen Taiping buat masa ini mempunyai 54 orang kakitangan. Ini termasuklah dari Penyelia Kanan sehingga Pembantu Pemaju Masyarakat. Mereka inilah yang menggerakkan KEMAS Parlimen Taiping yang mempunyai 67 cawangan dengan peserta seramai 2,841

orang. Tanpa usaha gigih dan kerjasama kesemua kakitangan ini sudah tentulah sukar bagi KEMAS Parlimen Taiping untuk melaksanakan strategi dan tugas-tugasnya. (lihat jadual 11)

Jadual 11 - Bilangan kakitangan KEMAS Taiping

Jawatan	Bilangan
Penyelia Kanan	1
Penyelia Kawasan	1
Penyelia Pembangunan Keluarga	1
Penyelia Ugama	1
Pemaju Masyarakat Khas	1
Pemaju Masyarakat Tabika	16
Pemaju Masyarakat ERT	5
Pemaju Masyarakat KLK	2
Pemaju Masyarakat RDU	1
Pemaju Masyarakat Ugama	3
Pemaju Masyarakat Quran	7
Pembantu Pemaju Masyarakat (TBK	15
Jumlah	54

#### 5.4 EKONOMI RUMAHTANGGA (ERT)

Program ini dilaksanakan oleh Pemaju-pemaju Masyarakat yang terlatih. Kaum wanita yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti, mereka akan diberi pendidikan secara tidak formal dalam bidang Pembangunan Keluarga yang berkaitan dengan Kesihatan, Ekonomi, Pendidikan dan Keugamaan secara berkumpulan.

Kumpulan-kumpulan kecil di kalangan beliawanis dan wanita-wanita dewasa (15tahun ke atas) yang berminat menyertai kegiatan diwujudkan. Perjumpaan/kelas diadakan dua kali seminggu mengikut kesesuaian hari dan waktu yang di tetapkan oleh pelajar-pelajar mengikut kumpulan-kumpulan tertentu. Di samping mendidik secara berkumpulan, Pemaju-pemaju Masyarakat (terdapat juga Penyelia Pembangunan Keluarga) juga membuat susulan ke rumah-rumah pelajar/peserta dengan tujuan melihat keberkesanan pendidikan yang diterima oleh mereka. Maka jika pelajar-pelajar menerima pendidikan dan berubah sikap, Projek Rumah Sempurna akan terlaksana di rumah masing-masing.

Untuk memenuhi tujuan-tujuan ini, Bahagian Kemajuan Masyarakat menggunakan strategi menunjukajar di kumpulan-kumpulan secara teori dan juga praktikal. Susulan ke rumah-rumah peserta kumpulan Ekonomi Rumahtangga juga diadakan. Kumpulan Ekonomi Rumahtangga di tubuhkan berasaskan kepada kehendak masyarakat

Rumah Sempurna ialah rumah yang mempunyai setempat. Pendidikan secara tidak formal ini adalah keluarga yang bahagia, mengandungi cinta dan pengurusan yang seimbang, kerjatangan yang boleh menambahkan bersih, mempunyai ruangan-ruangan dan kawasan-kawasan pendapatan, mengasuh anak serta pengurusan daya sumber yang beratur, keluarga.

Buat masa ini di kawasan Taiping terdapat 15 buah kelas Ekonomi Rumah tangga dan 3 kumpulan kecil. Kelas-kelas dan kumpulan kecil ini di kendalikan oleh 5 orang Pemaju Masyarakat Ekonomi Rumahtangga. Pemaju Masyarakat ini pula diawasi oleh Penyelia Pembangunan Keluarga. Seorang Pemaju Masyarakat selalunya mengendalikan 3 hingga 5 kelas Ekonomi Rumahtangga. Kelas-kelas ini diadakan pada waktu petang antara pukul 2.00 hingga 5.00 petang. Di dalam sesebuah kelas selalunya terdapat peserta-peserta seramai 20 hingga 25 orang. Kedatangan seramai ini sudah memuaskan memandangkan sukar untuk mencari peserta-peserta bagi pendapatan keluarga dengan berduak tanam dan satu-satu kelas.

Hingga kini masih belum ada kelas yang didapati dari kelas ERT. Ini

#### 5.4.1 Projek Rumah Sempurna

Program Rumah Sempurna adalah satu kegiatan yang dianjurkan oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat, Kementerian Negara dan Luar Bandar melalui Kumpulan Ekonomi Rumahtangga. Kegiatan Rumah Sempurna ini boleh ditumpukan di kawasan-kawasan desa, terutama sekali di kampung-kampung yang ada kumpulan KEMAS.

Rumah Sempurna ialah rumah yang mempunyai keluarga yang bahagia, mengandungi cara-cara penghidupan yang tersusun dan teratur seperti mendapat udara yang bersih, mempunyai ruangan-ruangan dan kawasan-kawasan yang teratur.

Dengan menyertai Projek Rumah Sempurna ini

Sambutan masyarakat terutamanya suri-suri rumahtangga (pelajar kelas ERT) terhadap projek ini amatlah menggalakkan kerana kaedah yang diperkenalkan dalam Projek Rumah Sempurna ini ialah pengurusan dan kebersihan kawasan luar dan dalam rumah.

Selain daripada soal-soal pengurusan dan kebersihan rumah, suri rumahtangga juga diajar cara-cara menyediakan makanan yang lebih sempurna untuk keluarga dengan menggunakan bahan-bahan yang mudah didapati dan murah harganya.

Mereka juga digalakkan cuba menambahkan pendapatan keluarga dengan bercucuk tanam dan menggunakan kemahiran yang didapati dari kelas ERT. Ini semua adalah semata-mata untuk melahirkan satu keluarga yang sempurna.

Mengikut kajian yang dilakukan, didapati hanya 50% sahaja peserta-peserta yang menyertai kegiatan Rumah Sempurna ini. Kebanyakan peserta-peserta KEMAS di kawasan Taiping menyatakan kegiatan Rumah Sempurna kurang diberikan perhatian di dalam kelas. Ini memandangkan kawasan Parlimen Taiping adalah sebuah

kawasan yang boleh dikatakan telah maju dan telah mempunyai banyak kemudahan. Walaupun begitu kebanyakan dari peserta-peserta menyuarakan pendapat mereka bahawa Projek Rumah Sempurna ini adalah sangat baik dan berfaedah. Dengan menyertai Projek Rumah Sempurna ini akan dapat mengetahui apa itu makanan seimbang, cara-cara untuk membuang sampah, perlimbahan dan bagaimana untuk memaksimakan kemudahan-kemudahan yang ada di sekitar rumah. Ada juga peserta-peserta yang mendapat pengetahuan ini dari sekolah-sekolah, Jabatan Kesihatan dan juga media massa. Kerjasama daripada lain-lain Jabatan, seperti Jabatan Kesihatan adalah menggalakkan dalam Projek Rumah Sempurna ini. Pemaju Masyarakat menjemput pegawai kesihatan untuk memberikan ceramah mengenai dengan perkara yang berkaitan.

Peserta-peserta yang telah mengikuti program Rumah Sempurna ini mengamalkan makanan seimbang yang dipelajari. Ini menggalakkan ahli keluarga mengadakan dan memasak makanan seimbang yang sesuai dan termurah sekali serta mencukupi bagi semua ahli keluarga, disediakan dalam keadaan yang sihat, mudah dan teratur.

Pengkaji mendapati peserta-peserta hanya berminat untuk belajar memasak, sulaman dan kerjatangan. Di samping itu ceramah-ceramah dan demonstrasi juga diadakan. Malangnya tidak semua cawangan-cawa ngan KEMAS yang mengadakan ceramah dan demonstrasi itu. Ianya

bergantung kepada inisiatif Pemaju Masyarakat yang mengajar mereka.

#### 5.4.2 Pertandingan Yang Diadakan

Tidak semua cawangan-cawangan Ekonomi Rumahtangga mengadakan pertandingan. Daripada 16 cawangan Ekonomi Rumahtangga, hanya 12 cawangan sahaja yang mengadakan pertandingan pada tahun 1987. Pertandingan-pertandingan yang dianjurkan mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan daripada peserta-peserta. Apabila satu-satu cawangan mengadakan pertandingan, penyertan adalah dibuka kepada semua peserta-peserta KEMAS kawasan Taiping. Pertandingan yang paling kerap diadakan ialah memasak di samping pertandingan gubahan, membuat bunga dari kertas dan juga kraftangan. Semasa pertandingan inilah peserta-peserta dapat menunjukkan kebolehan masing-masing.

#### 5.4.3 Masalah Kelas Ekonomi Rumahtangga

Setiap aktiviti tidak dapat lari dari menghadapi masalah. Begitu juga dengan kelas Ekonomi Rumahtangga yang menghadapi beberapa masalah.

Kegiatan ERT dilakukan di Dewan Orang Ramai, Surau dan juga di Balairaya. Tempat yang paling kerap ialah di Dewan Orang Ramai. Dewan ini juga digunakan oleh lain-lain pertubuhan seperti Belia, W.I, UMNO dan

juga Tabika. Masalah wujud bila dalam masa yang sama ada dua pihak atau lebih yang ingin menggunakan dewan tersebut. Setengah pihak pula tidak bertanggungjawab apabila selepas menggunakan dewan itu. Mereka hanya membiarkan sahaja keadaan yang berselerak di dalam dewan itu. Terdapat juga dewan yang telah uzur dan tidak mempunyai kemudahan letrik dan meja yang cukup. Ini merupakan masalah besar kepada Pemaju Masyarakat.

Alat kelengkapan untuk menjalankan aktiviti ERT juga tidak mencukupi. Pejabat KEMAS hanya menyediakan barang-barang penting sahaja seperti kuali dan dapur untuk memasak. Alat-alat lain terpaksa diusahakan sendiri oleh Pemaju Masyarakat. Ini menjadi masalah pada Pemaju Masyarakat kerana terpaksa mengeluarkan wangnya sendiri terlebih dahulu sebelum mengutip dari peserta-peserta.

Masalah lain ialah semua Pemaju Masyarakat ERT di kawasan Taiping tidak mendapat buku panduan dari Ibu Pejabat KEMAS. Dengan itu tidak ada keseragaman dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pemaju Masyarakat. Tiap Pemaju Masyarakat menjalankan aktiviti mengikut budi bicara masing-masing.

Peserta-peserta juga adakalanya menjadi masalah kepada Pemaju Masyarakat. Ini kerana terdapat berbagai ragam dan kehendak peserta yang terpaksa diikuti. Adakalanya Pemaju Masyarakat tidak mampu untuk

mengikut setengah-setengah kehendak peserta seperti ingin belajar masakan yang tidak Pemaju Masyarakat sendiri tidak tahu. Jika Pemaju Masyarakat tidak mengikut cakap peserta maka di minggu hadapan kedatangan peserta akan berkurangan.

#### 5.4.4 Cadangan Baiki Kelas ERT

Masalah-masalah yang dihadapi oleh Kelas Ekonomi Rumahtangga boleh diatasi sekiranya ada kerjasama dari semua pihak yang terlibat.

Masalah tempat boleh diatasi sekiranya KEMAS mempunyai kerjasama dengan JKKK di kampung yang terlibat. Kerjasama dengan JKKK adalah penting supaya dewan itu digunakan mengikut jadual yang ditentukan. Tiap-tiap pihak yang ingin menggunakan dewan itu hendaklah menggunakan pada hari-hari yang tidak digunakan oleh KEMAS. Ini untuk mengelakkan perebutan untuk menggunakan dewan itu. Bagi dewan yang telah uzur pula pihak KEMAS bersama dengan JKKK hendaklah berusaha dengan membaikinya samada melalui bantuan Kerajaan Negeri atau bergotong royong untuk menjimatkan lagi perbelanjaan.

Alat-alat kelengkapan yang tidak mencukupi boleh diatasi dengan bersama-sama membelinya. Pemaju Masyarakat boleh mengutip wang daripada peserta-peserta untuk membeli alat-alat yang kurang. Wang juga boleh diperolehi dengan menjual barang-barang yang dibuat oleh

peserta-peserta di dalam kelas. Pemaju Masyarakat juga boleh adakan tabung untuk kelas-kelas yang diajar.

Kursus-kursus lanjutan hendaklah di berikan pada Pemaju Masyarakat Ekonomi Rumahtangga. Kursus-kursus yang penting seperti kursus menjahit, memasak dan kraftangan dan bukan hanya kursus-kursus yang mengandungi ceramah dan kesedaran sahaja. Kursus-kursus ini penting bagi Pemaju Masyarakat supaya dapat mengajar peserta perkara-perkara yang baru.

Pemaju Masyarakat hendaklah berbaik-baik dengan peserta-peserta. Ini dapat dilakukan melalui mengadakan perbincangan dengan peserta-peserta mengenai apa-apa masalah yang ada. Selera peserta juga hendaklah diikuti. Menghadiri majlis-majlis di rumah peserta juga adalah baik. Ini dapat mengeratkan lagi hubungan di antara peserta dengan Pemaju Masyarakat.

#### 5.4.5 Pembaharuan Dalam Program Ekonomi Rumahtangga

Pada tahun 1985, Y.B. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengarahkan supaya KEMAS mengajar para peserta kelas ERT masakan-masakan yang bertaraf antarabangsa di samping masakan-masakan tempatan. Ini bertujuan untuk melahirkan para pelajar ERT KEMAS yang mampu menyediakan makanan yang bertaraf antarabangsa serta dapat pula menggunakan pelajaran dan kebolehan yang ada itu untuk tujuan-tujuan yang lebih ekonomis.

Untuk tujuan tersebut KEMAS telah mendapat kerjasama dari Kajian Pengurusan Hotel Institute Teknologi MARA dalam memberikan kursus kepada kakitangan KEMAS, khususnya peserta-peserta ERT. Kini Ibu Pejabat Pentadbiran KEMAS sedang menggubal dasar perlaksanaan dasar masakan antarabangsa ke kampung-kampung. Penggubalan dasar baru akan menggunakan strategi "training cum business". Pusat latihan ialah di kawasan Karyaneka, Jalan Raja Chulan.

#### 5.5 TABIKA (TBK)

Rancangan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK/TABIKA) telah dimulakan semenjak tahun 1972 lagi dan merupakan satu usaha membangunkan masyarakat luar bandar dari peringkat awal kanak-kanak lagi. Taman Bimbing Kanak-Kanak merupakan satu tempat dimana kanak-kanak peringkat umur pra-sekolah, iaitu yang berumur diantara 4 hingga 6 tahun lebih dikumpulkan di satu tempat untuk memggalakkan perkembangan sosial, emosi, mental dan fizikal. Pendidikan yang diberi kepada kanak-kanak di Taman Bimbingan Kanak-kanak adalah mengikut prinsip "belajar melalui bermain", (learning through play) iaitu melalui aktiviti-aktiviti dan permainan secara tidak formal di bawah seorang pembimbing dan seorang pembantu yang dilatih, (Pemaju Masyarakat dan Pembantu Pemaju Masyarakat). Penyertaan dan penglibatan masyarakat adalah digalakkan dalam

penubuhan dan pengurusan Taman Bimbingan Kanak-Kanak ini.

Kegiatan ini dilaksanakan oleh Pemaju Masyarakat Taman Bimbingan Kanak-Kanak dan dibantu oleh seorang Pembantu Pemaju Masyarakat di Balai-Balai Raya. Dalam perlaksanaannya, masyarakat terutama Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung dan ibubapa kanak-kanak dilibatkan secara aktif untuk membuat keperluan kelengkapan Taman Bimbingan Kanak-Kanak dan dalam pengurusan perjalanan harian Taman Bimbingan Kanak-kanak. Kanak-kanak dikenakan yuran \$5.00 sebulan. Mereka diberi makanan tambahan yang seimbang setiap hari TBK berjalan supaya dapat bantu menampung kekurangan pemakanan dikalangan kanak-kanak. Rawatan kesihatan oleh kakitangan Jabatan Kesihatan diberi kepada kanak-kanak dan kekerapannya bergantung kepada kesihatan mereka. Dari segi perjalanan perjalanan Taman Bimbingan Kanak-Kanak pula, Penyelia Pembangunan Keluarga yang terlatih memberi penyeliaan yang teratur dari segi ikhtisas dan teknikal.

Terdapat dua definisi mengenai Tabika. Definisi pertama mengatakan Tabika adalah satu institusi di mana ibubapa menghantar anak-anak mereka sebagai tempat persediaan untuk menempuh pelajaran yang formal kelak. Definisi kedua pula mengatakan bahawa Tabika adalah tempat kanak-kanak yang berumur 3 hingga 6 tahun berkumpul dan belajar sambil bermain bersama-sama.

Ramai yang menganggap Tabika sebagai pengganti sekolah dimana ibubapa berharap ia akan menyediakan anak-anak mereka memperolehi kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira. Ada juga yang beranggapan bahawa Tabika adalah satu tempat di mana kanak-kanak dijaga (nursery for the care of infants) dan satu institusi kebajikan di mana kanak-kanak miskin di tempatkan.

5.5.2 Pada amnya Tabika adalah gabungan antara teori pra-sekolah dengan kaedah amali. Sebenarnya Tabika menyediakan tempat bagi kanak-kanak belajar sambil bermain dengan cara yang tidak formal bersama dengan rakan sebaya. Melalui kurikulum yang memberi penekanan kepada belajar sambil bermain, Tabika membantu dalam perkembangan emosi, fizikal, intelek dan moral kanak-kanak. Hasil daripada perkembangan ini membolehkan kanak-kanak tersebut untuk menguasai bahasa, belajar berdikari melalui rangsangan penggunaan diria secara menyeluruh terhadap alam sekitar. Cara ini dapat menambahkan kekurangan pengalaman dan menggalakkan perhubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling. Selain daripada itu Tabika juga cuba menerapkan amalan-amalan ke arah kehidupan yang sihat melalui amalan kesihatan dan kebiasaan-kebiasaan yang baik.

#### 5.5.1 Tabika Kawasan Parlimen Taiping

Sehingga kini Jabatan Kemajuan Masyarakat

16 buah. Yang lain-lain adalah kurang dari itu tetapi telah membuka sebanyak 16 buah kelas Tabika di Kawasan Parlimen Taiping. Begitu juga dengan Pemaju Masyarakat Tabika seramai 16 orang dan 15 orang Pembantu Pemaju Masyarakat. Bilangan murid adalah seramai 600 orang dimana purata setiap kelas adalah seramai 38 orang. Untuk mengajar murid-murid seramai ini bukanlah mudah. Dengan ini memerlukan kesabaran pada diri Pemaju Masyarakat Tabika tersebut.

#### 5.5.2 Pemaju Masyarakat Tabika

Untuk mendidik kanak-kanak di kalangan umur 4 hingga 6 tahun bukanlah satu perkara yang mudah. Kesabaran dan ketabahan adalah perlu ada pada seorang guru. Di samping itu juga Pemaju Masyarakat hendaklah menganggap murid-murid itu seperti anak-anak mereka.

Daripada 16 orang Pemaju Masyarakat Tabika, di dapati seramai 14 orang atau 87.5% mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan 2 orang lagi mempunyai kelulusan sehingga Sijil Rendah Pelajaran sahaja. Walaupun begitu kelulusan sahaja tidak mencukupi jika tidak disertai dengan minat.

Pemaju-pemaju Masyarakat kebanyakannya mempunyai banyak pengalaman dalam bidang yang mereka ceburi. Kebanyakannya sudah menjadi Pemaju Masyarakat Tabika lebih dari 3 tahun. Terdapat 3 orang di antara mereka yang telah mempunyai pengalaman mengajar selama

16 tahun. Yang lain-lain adalah kurang dari itu tetapi mempunyai pengalaman lebih dari 3 tahun.

Apabila dilihat umur Pemaju - Pemaju Masyarakat, didapati kebanyakannya sudah menjangkau 25 tahun ke atas. Hanya seorang sahaja yang mempunyai umur dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun. Taraf perkahwinan pula, seramai 14 orang Pemaju Masyarakat Tabika telahpun mendirikan rumah tangga. Sementara 2 orang lagi masih bujang. Dengan umur mereka yang telah meningkat dan disertai dengan pengalaman-pengalaman yang ada maka tidak banyak masalah yang mereka hadapi apabila berhadapan dengan kanak-kanak.

#### 5.5.3 Kursus-Kursus Untuk Pemaju Masyarakat

Kursus-kursus diadakan setiap cuti penggal dan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Pada permulaannya, guru-guru ini telah mengikuti Kursus Asas Kemajuan Masyarakat. Di akhir kursus guru-guru diberikan sijil guru Tabika, Kursus Asas KEMAS dan Kursus Pembangunan Keluarga.

Antara penekanan semasa kursus dijalankan ialah penggunaan alat-alat seperti alat genderang, kerincing dan ketulan kayu, mengenai kebersihan diri, kerjatangan seperti melukis gambar, kolaj, origami, percikan dan tampalan, mengenai membaca, menulis, senaman dan lain-lain dijalankan secara pembentangan kertaskerja.

Selain daripada itu, KEMAS menganjurkan juga bengkel-bengkel setiap minggu pada hari sabtu untuk sehari. Ia dijalankan pada waktu pagi. Antara tujuannya untuk membuat perancangan bagi tempoh 3 bulan dengan memberikan penekanan kepada aspek-aspek tertentu. Setiap minggu untuk selama 3 bulan guru-guru Tabika KEMAS dan Penyelia Pembangunan Keluarga akan membincangkan mengenai meninggikan prestasi, sudut permainan dalam memupukkan disiplin, kebersihan dan keberanian misalnya. Guru-guru akan applikasikan hasil kerjatangan dari perbincangan dalam perjalanan kelas mereka.

Pembantu guru Tabika juga diberikan kursus-kursus. Dalam kursus-kursus ini perbincangan kertas kerja, perbincangan serta latihan amali diadakan. Latihan kerjatangan dan membuat barang-barang dari strawboard, manila kad dan lain-lain. Mereka di berikan mengenai penyediaan makanan tambahan yang berkhasiat untuk kanak-kanak dengan mengikut menu yang disediakan. Persediaan menu mestilah melalui perbincangan dengan Pemaju Masyarakat Tabika.

Pembantu Pemaju Masyarakat juga bertanggungjawab terhadap kebersihan dan keselamatan di dapur, dalam kelas dan luar kelas. Ia membantu mengawasi kanak-kanak semasa aktiviti dalam dan luar kelas juga dalam penyediaan alatan mengajar. Selain

daripada itu, ia bersama guru Tabika akan membuat susulan ke rumah kanak-kanak dari masa ke semasa. Ini perlu kerjasama daripada ibubapa, belia-belia tempatan atau lain-lain badan sukarela untuk menjaga Tabika. Semasa ketiadaan guru Tabika pembantu mengambil alih tugas guru.

#### 5.5.4 Aktiviti-Aktiviti Tabika KEMAS

Aktiviti yang diberi keutamaan ialah Awal Nombor, sains, Bahasa/Agama. Ini kerana ia merupakan matapelajaran yang wajib di sekolah.

#### Jadual 12 - Jadual waktu seminggu

Masa/Hari	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
8.30 - 9.00		Persediaan dan Perbualan Pagi			
9.00 - 9.30		Aktiviti seperti Awal Nombor			
9.30 - 10.00		Aktiviti Bebas			
10.00 - 10.30	R	E	H	A	T
10.30 - 11.00		Aktiviti Seperti Bercerita			
11.00 11.30		Aktiviti Menyanyi			
		Persediaan Pulang			

Sumber - Pejabat KEMAS Taiping

Aktiviti Tabika ini di selangseli antara

aktiviti kelas dengan aktiviti bebas. Maksudnya di sebelah pagi selepas perbualan pagi akan diadakan aktiviti khas seperti Awal Nombor. Ia akan diikuti pula dengan aktiviti bebas di mana kanak-kanak yang telah selesai akan kerja mereka boleh bermain dengan alat-alat permainan yang disediakan. Kanak-kanak yang belum lagi selesai akan meneruskan dengan aktiviti khas mereka. Keadaan yang sama juga terdapat bagi aktiviti-aktiviti selepas waktu rehat.

Semasa rehat murid-murid akan disediakan dengan makanan dan minuman. Sebelum makan salah seorang daripada mereka yang dilantik akan membacakan doa makan. Selepas itu baharulah mereka makan.

Daripada keterangan guru di dapati bahawa pelajaran Bahasa mendapat penekanan kerana ia di rasakan penting bagi membolehkan kanak-kanak berkomunikasi. Untuk seminggu kelas diadakan sebanyak 3 kali di mana untuk satu kelas mengambil masa selama 30 minit.

Selain daripada aktiviti seperti perbualan pagi, awal nombor, sains dan sivik masing-masing diperuntukkan masa selama satu jam dalam seminggu kecuali perbualan pagi yang mengambil masa 75 minit untuk seminggu.

Perbualan pagi diadakan setiap hari selama 15 minit, sementara aktiviti khas lain diadakan dua kali seminggu untuk selama 30 minit bagi satu waktu.

Jadual 13 - Peralatan Yang Digunakan Semasa Aktiviti

5.5.3 Mengalih Perhatian Kepada Aktiviti Tugas

Alat Bantuan Mengajar	Alat yang digunakan kanak-kanak
Carta Huruf	Carta huruf
Carta Nombor	Carta Nombor
Carta Bergambar	
Buku-buku Carta	
Alat-alat muzik seperti gendang, tempurung, kerincing,tamborin.	Alat-alat muzik

Sumber - Soal selidik

Dari jadual yang ditunjukkan, memberikan beberapa contoh mengenai alat bantuan mengajar guru serta alat-alat yang digunakan oleh kanak-kanak. Hampir kesemua peralatan digunakan oleh guru semasa mengajar, misalnya untuk mengeja "Rabu" ia akan mengalihkan perhatian kanak-kanak ini carta huruf yang terdapat didalam kelas, juga ketika waktu aktiviti awal nombor. Alat muzik digunakan semasa senaman dan aktiviti menyanyi. Sementara kanak-kanak ini pula menggunakan juga ke semua alat-alat yang terdapat di dalam kelas; apa yang digunakan oleh guru itu juga yang digunakan oleh mereka.

Semasa kanak-kanak sedang melakukan kerja mereka, guru berada berhampiran memerhati akan pekerjaan yang dibuat dan menegur serta membetulkan kesalahan yang

dilakukan dengan baik dan lembut.

#### 5.5.5 Masalah Pembantu Masyarakat Tabika

Guru mendapati agak sukar untuk memahami peribadi kanak-kanak kerana karektor mereka di rumah dan di sekolah ada yang sama dan ada yang berbeza. Guru-guru mengatakan mengenai kekurangan alat-alat kelengkapan seperti permainan luar juga merupakan masalah kerana cepat jemu jika kerap dengan buku dan permainan yang biasa ia main. Terdapatnya setengah ibubapa yang sengaja tidak faham akan (sistem) peraliran pembelajaran di Tabika. Selalunya ibubapa lepas tangan dan menaruh sepenuhnya kepada guru. Di rumah kanak-kanak tidak mendapat dorongan dan tunjuk ajar daripada ibubapa. Guru menghadapi masalah apabila setengah ibubapa terlalu percaya kata kanak-kanak sehingga tidak mahu langsung bertoleransi dengan pihak guru. Selalunya guru menjadi dikecam apabila kanak-kanak lebih manghafal nyanyian daripada pelajaran. Banyak Taman Bimbingan yang tidak mempunyai padang permainan dan tempat bermain sendiri. Setengahnya pula tidak mempunyai pagar. Ini adalah merbahaya kerana kanak-kanak adalah nakal.

#### 5.5.6 Cara Mengatasi Masaalah

Guru akan mengadakan susulan ke rumah bagi melihat sendiri sebab-sebab kanak-kanak itu bersikap demikian. Guru-guru terpaksa menyediakan sendiri barang-barang

kelengkapan walaupun ianya tidak sebaik mana. Guru mengadakan perjumpaan dengan ibubapa untuk menjelaskan mengenai pembelajaran di Tabika. Kawasan yang lebih luas adalah perlu untuk membina Taman Bimbingan Kanak-kanak. Pagar adalah perlu dibina untuk memestikan kanak-kanak dapat bermain dan belajar dengan selamat.

Pada keseluruhannya tugas dan tanggungjawab seorang guru Tabika amatlah berat. Ia perlu menghadapi cabaran dengan sabar kerana kalau tidak ini akan mengganggu perjalanan kelas dan meninggalkan kesan keatas kanak-kanak.

#### 5.6 KEKESANAN KEMAS

Sepertimana yang telah diuraikan tujuan utama KEMAS adalah untuk membangunkan masyarakat luar bandar dengan cara meninggikan ekonomi meraka. Ini boleh dilakukan dengan mengubah sikap masyarakat luar bandar supaya lebih berusaha. Tidak ketinggalan juga KEMAS cuba mendapatkan sokongan masyarakat luar bandar kepada kerajaan khasnya UNMO. Walaupun kejayaannya tidak mencapai seratus peratus namun KEMAS telah berjaya mengubah sikap masyarakat luar bandar. Di samping kejayaan-kejayaan KEMAS terdapat juga kelemahan-kelemahan yang tidak dapat dielakkan.

Program-program yang dijalankan oleh KEMAS telah berjaya mengeratkan perhubungan di kalangan masyarakat luar bandar. Ini adalah penting untuk

lagi. Timbul rasa lebih bertanggungjawab di kalangan mempereratkan lagi perhubungan masyarakat. Melalui aktiviti-aktiviti gotong royong yang dianjurkan oleh KEMAS menjalin eratkan hubungan murni anggota KEMAS dengan masyarakat luar bandar. Ini akan membantu KEMAS mendapatkan sokongan rakyat kepada kerajaan. Walaupun gotong royong telah sedia wujud di kalangan masyarakat Melayu tetapi ianya telah hampir pupus. Maka KEMAS telah cuba mengembalikan sikap gotong royong di kalangan masyarakat luar bandar. Di samping itu melalui gotong royong juga dapat perkukuhkan perpaduan dan dapat mengatasi kemelesetan ekonomi.

Melalui saluran KEMAS masyarakat luar bandar juga menyalurkan pasaran-pasaran barang hasil tangan mereka. Jika sebelumnya masyarakat luar bandar tidak mempunyai pasaran-pasaran yang tetap tetapi dengan adanya KEMAS bermakna masalah pasaran sudah dapat diatasi. Pasaran barang-barang tangan ini sekurang-kurangnya dapat menambahkan lagi pendapatan masyarakat luar bandar.

Peluang untuk mengorganisasikan sesuatu projek akan dapat menambahkan lagi pengalaman dan kesedaran masyarakat. Sebagai contoh melalui penglibatan dalam melaksanakan kelas TBK. Ini akan menimbulkan kesedaran dan seterusnya perubahan sikap di kalangan masyarakat betapa pentingnya pendidikan dan pengasuhan yang sempurna untuk kanak-kanak dari peringkat awal

lagi. Timbul rasa lebih bertanggungjawab di kalangan ibubapa untuk melihat kejayaan anak masing-masing.

Melalui kelas ERT masyarakat luar bandar mulai sedar pengamalan makanan seimbang dan cara-cara menjimatkan kos perbelanjaan rumah tangga. Melalui cara ini akan dapat mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.

Pelabur-pelabur ASN juga telah bertambah melalui usaha yang dijalankan oleh KEMAS. Ini akan dapat menguatkan lagi ekonomi Bumiputera. Dengan bertambahnya pelabur-pelabur ini bermakna bertambahnya penyokong-penyokong kerajaan.

Di samping itu kita dapati beberapa aktiviti yang tidak memberi kesan kepada masyarakat luar bandar. Ini adalah disebabkan perlaksanaan program KEMAS yang tidak menyeluruh. Tidak semua cawangan yang melaksanakan program KEMAS. Aktiviti-aktiviti yang kerap diadakan ialah kelas ERT dan TBK sahaja. Dengan itu masyarakat luar bandar tidak dapat mengecapi sepenuhnya dasar-dasar kerajaan yang disalurkan melalui KEMAS.

Projek Rumah Sempurna pula tidak memberi kesan sepenuhnya pada masyarakat. Ini ditambah pula dengan terdapat daripada peserta tinggal di rumah-rumah teres atau rumah pangsa yang hanya mementingkan diri sendiri sahaja. Di rumah teres juga tidak mempunyai kawasan-kawasan yang luas untuk bercucuk tanam.

Kumpulan masyarakat yang menyertai KEMAS walaupun perlu menyokong segala usaha pembangunan yang dilakukan oleh KEMAS, penyokong-penyokong KEMAS ini bukan Melayu. Ditambah pula pegawai-pegawai KEMAS terdiri daripada orang-orang UMNO. Ini boleh mewujudkan masalah dalam memupuk perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia.

Usaha anggota KEMAS dalam menambahkan penyokong-penyokong UMNO melalui aktiviti-aktiviti telah memberi kesan yang negatif kepada orang Melayu sendiri. Walaupun UMNO merupakan parti komponen kerajaan, namun ada juga masyarakat Melayu di luar bandar yang tidak menyokongnya. Dengan itu penyokong-penyokong parti-parti lain tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti KEMAS. Keadaan ini hanya terjadi di setengah-setengah kawasan yang wujudnya persaingan antara UMNO dengan lain-lain parti. Ada juga peserta yang menyertai KEMAS tetapi tidak melibatkan diri dalam UMNO. Mereka hanya melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh KEMAS sahaja.

Dapatlah dikatakan bahawa KEMAS bergantung kuat pada kumpulan masyarakat luar bandar bagi mendapatkan sokongan untuk kerajaan. Begitu juga dengan masyarakat luar bandar bergantung kepada KEMAS untuk mendapatkan bantuan kerajaan yang disalurkan melalui KEMAS. Pergantungan antara satu sama lain ini akan

BAB VI

menguatkan lagi kerjasama di antara mereka. Dengan ini rakyat perlu menyokong segala usaha pembangunan yang dilakukan oleh KEMAS. Menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh KEMAS bererti menyokong kerajaan khasnya ~~Tujuan selian ini adalah untuk mengelak~~ KEMAS di dalam menanggulangi masayarakat luar bender. Objektif utama KEMAS adalah untuk mengelak sikap masayarakat supaya mempunyai intisari untuk turut serta. Di samping itu juga menyemai perasaan rasa tanggungjawab masayarakat dalam penggunaan sosial, ekonomi dan politik demi menjalankan matlamat kerajaan dan negara, dari untuk memenuhi tujuan tersebut berbagai-bagai langkah sejauh disyuruh oleh KEMAS.

Diantara tugas-tugasnya adalah seperti memberikan peluang-peluang bertambah kepada masayarakat luar bender untuk meningkatkan diri sendiri dari segi ekonomi dan politik. Walaupun kurang untuk mengelak sikap masayarakat juga diilah. KEMAS juga menyediakan Pemimpinan Nasional yang berinti untuk membimbing masayarakat luar bender dalam berbagai-bagai bidang bersesuk pendidikan, ekonomi, sosial dan politik. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan yang melibatkan masayarakat luar bender.

Di samping tujuan utama KEMAS untuk menanggulangi masayarakat luar bender dari segi ekonomi dan politik KEMAS juga secara-silaik tanggung berusaha untuk memberi kesadaran politik pada komuniti setiapannya. Dalam hal ini KEMAS telah berusaha untuk

## BAB VI

### PENUTUP DAN KESIMPULAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pencapaian KEMAS di dalam membangunkan masyarakat luar bandar. Objektif utama KEMAS adalah untuk mengubah sikap masyarakat supaya mempunyai inisiatif untuk terus maju. Di samping itu juga menyemai perasaan rasa tanggungjawab masyarakat dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik demi manjayakan matlamat kerajaan dan negara. Jadi untuk mencapai tujuan tersebut berbagai-bagai langkah telah digunakan oleh KEMAS.

Diantara langkah-langkahnya adalah seperti memberikan peluang-peluang kemudahan kepada masyarakat luar bandar untuk membangunkan diri sendiri dari segi ekonomi dan politik. Kursus-kursus untuk mengubah sikap masyarakat juga diadakan. KEMAS juga menyediakan Pemaju-pemaju Masyarakat yang terlatih untuk membimbing masyarakat luar bandar dalam berbagai-bagai bidang termasuk pendidikan, ekonomi, sosial dan politik. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan yang melibatkan masyarakat luar bandar.

Di samping tujuan-tujuan KEMAS untuk membangunkan masyarakat luar bandar dari segi ekonomi dan politik KEMAS juga secara tidak langsung berusaha untuk memberi kesedaran politik pada kumpulan sasarannya. Dalam hal ini KEMAS telah berusaha untuk

mendapatkan sokongan rakyat kepada kerajaan khasnya UMNO. Ini sesuai dengan kumpulan sasarannya iaitu masyarakat luar bandar yang kebanyakannya adalah terdiri dari orang Melayu.

Hasil dari kajian keatas Rancangan Pembangunan Keluarga yang ditumpukan kepada ekonomi rumah tangga (ERT) dan Tabika ternyata terdapat beberapa kelemahan yang boleh di baiki lagi. Di dalam program ERT yang di adakan pada waktu petang merupakan satu sebab mengapa tidak ramai peserta-peserta. Pada waktu petang hanya surirumah-surirumah yang tidak bekerja sahaja yang boleh menyertainya. Ini memandangkan aktiviti bermula pada pukul 2.30 petang. Sekiranya kelas-kelas ERT di adakan pada hari Ahad iaitu pada waktu pagi tentu sambutannya lebih baik lagi.

Di dapati juga kelas ERT tidak mencapai matlamat yang sepenuhnya. Kelas ERT yang sepatutnya bukan sahaja mengajar memasak tetapi juga memberi didikan tentang peranan wanita dalam masyarakat, cara-cara menambahkan pendapatan keluarga dan memberi kemahiran dalam mengurus daya dan sumber keluarga tidak di laksanakan sepenuhnya. Pemaju Masyarakat lebih menurut kehendak peserta yang gemar kepada masakan. Ini ditambah lagi dengan tidak adanya buku panduan dari ibu pejabat untuk Pemaju Masyarakat.

Walaupun begitu kelas ERT juga ada mengajar gubahan-gubahan bunga dan kerjatangan yang boleh memberikan pendapatan tambahan kepada masyarakat luar bandar. Melalui kemahiran yang di pelajari seperti membuat bunga telur, bunga tiruan dan lain-lain akan memberikan peluang untuk mereka menjual barang-barang tersebut. Barang-barang tersebut juga boleh di pasarkan melalui KEMAS.

Mengenai kelas Tabika pula, sehingga kini sambutan masyarakat adalah sangat memuaskan. Setiap kelas yang di buka mendapat sambutan dari masyarakat. Masyarakat menaruh kepercayaan kepada guru Tabika KEMAS dalam memberi didikan awal kepada kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan. Namun begitu Tabika juga tidak dapat lari dari masalah. Oleh kerana sambutan yang baik dari masyarakat maka ada kelas-kelas Tabika yang menampung terlalu ramai kanak-kanak. Sepatutnya kelas hanya menampung 35 orang sahaja. Namun ada kelas yang menampung sehingga 50 orang kanak-kanak. Keadaan ini tidak dapat diatasi kerana kelas-kelas kebanyakannya di adakan di dewan orang ramai yang tidak begitu luas untuk dibahagikan kepada dua kumpulan. Sekiranya dewan yang luas, jika terdapat kanak-kanak yang ramai maka Jawatankuasa Tabika akan memecahkannya kepada dua kumpulan. Masalah ini hanya boleh di atasi sekiranya KEMAS membina bangunannya sendiri untuk menjalankan

setiap aktivitinya.

Anggota-anggota KEMAS yang mempunyai pengaruh di dalam satu-satu kampung.

Sebagaimana yang di ketahui Tabika adalah dibawah KEMAS. Walaupun begitu Jawatankuasa Tabika adalah terdiri dari masyarakat tempatan yang mempunyai pengaruh di dalam satu-satu kampung. Jawatankuasa ini selalunya di penguruskan oleh ketua kampung yang juga bertindak sebagai Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung.

KEMAS, seharapnya dapat membantu dalam kerajaan untuk

Sebagai salah satu cara untuk mendapatkan sokongan masyarakat kepada kerajaan, KEMAS telah bekerjasama dengan UMNO. Kerjasama ini di lakukan melalui ceramah-ceramah, kursus-kursus dan apabila adanya lawatan-lawatan dari pemimpin-pemimpin kerajaan. Kerjasama ini mudah di lakukan kerana Pemaju-pemaju Masyarakat selalunya adalah Ahli Jawatankuasa UMNO. Walaupun begitu tidak semua peserta KEMAS yang meibatkan secara aktif dalam UMNO. Ada juga yang tidak memasuki UMNO tapi menyertai juga aktiviti-aktiviti KEMAS.

kehidupan dan cara berfikir masyarakat juga benderas pada

Di lihat sekali imbas, tugas anggota-anggota KEMAS di anggap tidak berat tetapi sebenarnya mereka bertanggungjawab sepenuh masa dengan membabitkan diri dalam pelbagai kegiatan masyarakat dari urusan kenduri kendara hingga kepada usaha-usaha meningkatkan taraf hidup rakyat. Di tambah lagi dengan tugas lain iaitu untuk mendapatkan sokongan rakyat kepada kerajaan. KEMAS

juga di bebankan oleh agen-agen kerajaan yang seperti Amanah Saham Nasional. Anggota-anggota KEMASlah yang memujuk masyarakat melabur demi untuk meningkatkan modal Bumiputera.

Dengan demikian penubuhan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai agen yang diharapkan dapat membawa perubahan kepada rakyat terutamanya masyarakat luar bandar adalah satu langkah yang bijak. Kewujudan KEMAS, diharap akan dapat membantu pihak kerajaan untuk mencapai segala hasrat yang termaktub dalam rancangan pembangunan.

KEMAS adalah organisasi yang di anggap penting bagi masyarakat luar bandar dan juga kerajaan. Ini memandangkan fungsi utamanya untuk memajukan masyarakat luar bandar khasnya masyarakat Melayu yang masih lagi ketinggalan dalam banyak aspek. KEMAS juga menjadi penyalur segala bantuan kepada masyarakat. Kesemua ini adalah dengan tujuan untuk mengubah kehidupan dan cara berfikir masyarakat luar bandar.

Selain daripada menjadi pendorong dan penggerak masyarakat tempatan, Pemaju Masyarakat KEMAS juga hendaklah di beri pengetahuan asas supaya boleh menjadi guru am di dalam kampung. Ini bermakna Pemaju Masyarakat hendaklah mempunyai pengetahuan asas di dalam ugama, perekonomian, kraftangan, kesihatan dan

sebagainya. Ia perlu tahu serba sedikit tentang aspek hidup di luar bandar dan mampu pula memberi nasihat-nasihat awal dalam apa jua hal pun. Jika ia sendiri tidak dapat menjadi guru am kepada masyarakat kampung, ia perlu mengetahui tempat atau agensi yang boleh menjelaskan masalah yang timbul. Ini akan membolehkan ia menasihatkan penduduk tempatan yang berkenaan supaya merujuk kepada agensi-agensi tertentu.

Jangan hanya biarkan KEMAS cuma dijadikan jentera politik sahaja tetapi perlu memperluaskan bidang tugas dalam hal ehwal sosioekonomi. KEMAS boleh mencampurkan politik tetapi mestilah juga memberi tekanan kepada soal ekonomi.

Hakikatnya semua penduduk luar bandar mahukan perubahan dan kemajuan. Oleh yang demikian pihak KEMAS mestilah memberi penumpuan yang sewajarnya dalam menentukan segala aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dirancang berjalan lancar. Kerjasama dengan lain-lain badan di kampung hendaklah diadakan seperti JKKK yang seharusnya memberi kerjasama dalam membangunkan masyarakat. Menerusi kerjasama seperti ini akan dapat mengemaskin lagi jentera perlaksanaannya.

Usaha pengembangan KEMAS hendaklah dilakukan lagi. Ini memandangkan masih ada lagi penduduk yang langsung tidak tahu apa itu KEMAS. Pengembangan ini

adalah penting dalam mewujudkan kefahaman dan kesedaran pada masyarakat. Melalui cara ini masyarakat akan tahu peluang-peluang yang sentiasa terbuka untuk mereka menyertai KEMAS. Teknik-teknik pengembangan ini boleh dilakukan melalui media-massa, televisyen, radio dan ceramah-ceramah di luar bandar.

Bagi masyarakat yang ingin membangun dan maju pula janganlah hanya mempunyai sikap menunggu, meminta dan mempunyai semangat kurang berusaha. Hanya dengan penukaran sikap dan penglibatan di dalam perlaksanaan program pembangunan sahaja akan dapat membaiki kedudukan daif yang sedia ada. Masyarakat hendaklah sedar bahawa kerajaan tidak boleh membuat seseorang itu senang jika dia sendiri tidak berusaha, tidak menglibatkan diri dalam pembangunan kerajaan. Masyarakat harus menginsafi bahawa faedah pembangunan melalui program pembangunan dan dasar DEB hanya dinikmati oleh sesiapa yang berusaha sahaja. Hanya mereka sendiri yang boleh mengubah taraf kehidupannya. Kerajaan hanya boleh membuat dasar perlaksanaan projek pembangunan yang di jalankannya akan memberi faedah kepada orang ramai. Jika kita pandai menggunakan projek-projek itu boleh memberi faedah kepada kita.

Pencapaian sesuatu matlamat dasar dalam usaha pembangunan negara amat bergantung kepada penerimaan dan penyertaan rakyat dan setiap pihak yang berkenaan berasa

Bibliografi

"comimtted" secara mutlak kepada dasar dan perlaksanaannya. Kunci kepada penerimaan dasar ini ialah sikap. Sikap adalah jentera pembangunan individu dan keluarga unit masyarakat. Sikap negatif akan menolak perlaksanaan dasar sungguhpun dasar tersebut adalah baik dan menguntungkan.

- Chow, S., Government Policy And Rural Development, Malaysia, DIF, Kuala Lumpur, 1968.
- Du Bois, T., The Organization of Community Development, Pergamon, Oxford University Press, 1968.
- Griffith, E.A., dan Scott, J.L., Planning Development, A Henley Publishing Co., London, 1970.
- Gould, D., The Rural Church: New Concepts In Theory, D.C. Heath and Company, Atheneum, New York, 1970.
- Harmon, A.T., Historical Japan In The Story Of Civilization, dalam Socialistic Realism, No. 12, 1972.
- Holter, G., Leading Issues In Economic Development, DIF, 1970.
- Neeson, R.E., "Community Development Programmes" dalam Bertrand, A.L., (ed.) Rural Sociology, Mc.Graw-Hill Book Co., Inc., New York, Toronto, London, 1959.
- Sudarto, Sultrao, Ekonomi Perkembangan, Serba Guna, Medan, 1970.
- Seeger, D., "The Meaning of development" dalam Updegraff, T.J. dan Michon, V.F. (eds.) The Political Economy of Development, Universiti of California Press, 1973.

Sanders, I.T., The Bibliografi, Ronald Press

Company, New York, 1958.

Teks

Battern, T.R., Communities and Their Development, Oxford Universiti Press, 1957.

Black, James A. and Champion J., Methods and Issue In Social Research, John Wiley and Sons, Inc. New York, 1976.

Chee. S., Goverment Policy And Rural Development In Malaysia, DBP, Kuala Lumpur, 1960.

Du Sautoy, P., The Organization of A Community Development Programme, Oxford Universiti Press, 1962.

Griffin K.B. dan Enos, J.L., Planning Development, A Wesley Publishing Co. London, 1970.

Goulet , D., The Cruel Choice: A New Concept In Theory Of Development, Atheneum, New York, 1973.

Harens, A.E., Methodological Issues In The Study Of Development, dalam Sociologie Ruralis, Vol 12, 1972.

Meier, G.M., Leading issues In Economic Development OUP, 1970.

Nelson, H.B., "Community Development Programmes" dalam Bertrand, A.L., (ed.) Rural Sosiology, Mc.Graw-Hill Book Co., Inc., New York, Toronto, London, 1958.

Sadono Sukirno, Ekonomi Pembangunan, Berta Gorat, Medan, 1978.

Seers. D., "The Meaning of Development" dalam Uphoff, N.T dan Ilcham, W.F (ed.) The Political Economy of Development, Universiti of California Press, 1973.

Sanders, I.T., The Community, The Ronald Press Company, New York, 1958.

Shamsul Amri Baharuddin, RMK: Tinjauan dan Perlaksanaannya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, Kuala Lumpur, DBP, 1976.

The United Nations, Community Development and Related Service, New York, 1960, C.F. Thangaraj, Thangadurai, Community Development, Universiti of Malaya, Co-operatif Bookshop Limited, 1969.

Yoe Beng Pah (ed.) Proceeding Of Seminar On Malaysian Sosio-Economic Question, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

### Cetakan Kerajaan

Malaysia, Rancangan Malaysia Ketiga, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976.

Malaysia, Buku Resmi Tahunan 1977 Jabatab Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1979.

Panduan Arahan no. 3. Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Negara dan Luar Bandar, Kuala Lumpur, November, 1976.

### Persidangan

KEMAS, Peranan KEMAS Dalam Pembangunan Islam: Pengalaman dan Masalah, In, Konvensyen Penyelarasan Pentadbiran Islam (3 - 5 Mei 1986: Kuala Lumpur) Kertas 4.

Mohd Yusoff bin Daud, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), In, Seminar Pembangunan Daerah Jelebu dan Kuala Pilah (1979: Kuala Klawang, Negeri Sembilan.

Rohana Ahmadun, Pengawasan dan Pengelolaan Tabika; Taman Bimbingan Kanak-kanak Model Operasi KEMAS, In, Seminar Kebangsaan Pendidikan Pra Sekolah (Ke 3 : 6 - 9 Dec 1984; Kuantan Pahang) p. 144.

Makallah dan Journal

Khor Kok Peng Beberapa Prinsip Bagi Gaya Hidup Rancangan Pembangunan Alternatif, Kertas Kerja CAP, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 1985

Dewan Masyarakat Bil 2:1977  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ Bil 3:1980  
\_\_\_\_\_ Bil 8:1982

Utusan Pengguna April 1984

Suara KEMAS, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Bil. 2/1984  
\_\_\_\_\_, Jabatan Kemajuan masyarakat, Bil. 3/1986  
\_\_\_\_\_, Jabatan Kemajuan masyarakat, Bil. 4/1986  
\_\_\_\_\_, Jabatan Kemajuan masyarakat, Bil. 5/1986  
\_\_\_\_\_, Jabatan Kemajuan masyarakat, Bil. 6/1986  
\_\_\_\_\_, Jabatan Kemajuan masyarakat, Bil. 4/1987

JABATAN

OBJEKTIF

PROGRAM

AKTIVITI

K  
E  
M  
A  
S

- a) Mengubah sikap dan menyemai perasaan kesedaran di kalangan masy. untuk membina satu masya. yang maju dan berdikari.
- b) Mewujudkan inisiatif dan perasaan tanggungjawab setiap anggota masy. dalam pembangunan sosial dan politik.
- c) Melibatkan rakyat untuk turut serta secara aktif bagi menjayakan matlamat kerajaan dan negara.
- d) Menggerakkan kerjasama rakyat dengan kerajaan di samping mendapatkan sokongan mereka terhadap usaha pembangunan.

PEMBANGUNAN KELUARGA

PENDIDIKAN MASYARAKAT (NON-FORMAL)

KARYANEKA

LATIHAN DAN SEMINAR

PENDIDIKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA

PENGURUSAN EKONOMI RUMAH TANGGA

RUMAH SEMPURNA

TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK

KUMPULAN LATIHAN KEMAHIRAN

PENDIDIKAN PEDOMAN TUGASAN

PENDIDIKAN AGAMA ISLAM

KUTUBKHANAH DESA

RANCANGAN DESA USAHA

PENGURUSAN PENGETAHUAN DAN PEMASARAN


KURSUS GERAK SEDAR


LATIHAN PRA-PERKHIDMATAN

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

CARTA ORGANISASI  
BAHAGIAN KEMAJUAN MASYARAKAT


Lampiran 2A





CARTA ORGANISASI KEMAS  
KAWASAN DAERAH

Lampiran 2C



## LAGU KEMAS MALAYSIA

Kemajuan Masyarakat

Itulah teras utama

membela bangsa membangun negara

Agar maju dan jaya.....

Beriniasiatif - berdikari

Membentuk jiwa hati nurani

Bersih, Cekap, Amanah diri

Semuga hidup beerti.....

Wahai bangsaku bangunlah semua

Tampillah diri kemuka

Turuti segala rancangan kita

Kemajuan masyarakat desa.....

Berbagai usaha di laksana

KEMAS ujud di merata-rata

Menggerak, mendorong masyarakat kita

Mencapai hidup sejahtera.....



Kelas agama sebelum kelas Ekonomi Rumahtangga bermula



Keadaan dewan yang telah uzur yang digunakan oleh KEMAS



Bahagian dalam dewan yang telah uzur (tiada letrik dan air)



Peserta sedang memasak dalam kelas ERT



Murid-murid TABIKA KEMAS sedang mendengar guru mengajar



Seorang murid sedang membaca dan diperhatikan oleh guru



Murid - murid sedang menyanyi dan menggdayakan tangan mereka.



Membaca doa sebelum makan.



Murid-murid mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang di tanya oleh guru.



Murid-murid sedang melukis dan mewarnakan gambar-gambar di dalam buku.

# KEMAS AKAN DIBERI NAFAS BARU-GHAFAR

KUALA LUMPUR 20 Jun — KEMAS akan diberi nafas baru dengan arahan Encik Abdul Ghafar Baba hari ini supaya ia memberikan tumpuan yang lebih dalam bidang ekonomi untuk meninggikan taraf hidup dan pendapatan penduduk luar bandar.

Dengan perluasan skop KEMAS yang tidak hanya menitikberatkan politik sahaja, lebih 14,000 orang pegawai dan ahli KEMAS akan mendapat faedah dengan mencebur ke bidang perindustrian kecil dan mengusahakan tanah terbari.

Pemangku Perdana Menteri berkata beliau tefah mengarahkan pegawai-pegawai KEMAS supaya menyiap dan memperkemasan jentera yang diperlukan serta memberi pertolongan kepada penduduk menyertai apa sahaja bidang ekonomi.

"Kita akan membantu mereka yang bermingat mengeluarkan apa sahaja barang termasuk kraftangan untuk dijual di dalam dan di luar negeri."

"Soal pasaran menjadi perkara pokok," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat lebih satu setengah jam tentang perjalanan KEMAS di Kompleks Kewangan.

Encik Ghafar tidak mahu KEMAS cuma dijadikan jentera politik sahaja tetapi perlu memperluaskan bidang tugas dalam hal-hal ekonomi.

"Dari dulu lagi KEMAS terlibat dengan politik tetapi saya tak mahu mereka campur tangan secara memecah-belahkan parti. KEMAS boleh mencampuri politik tetapi mesti juga memberi tekanan kepada soal ekonomi," jelasnya.

Menghuraikan lebih lanjut tentang peranan baru KEMAS itu, ketua pengarahnya, Encik Othman Said berkata apa yang ditekankan oleh Encik Ghafar ialah memberi arah-haluan kepada KEMAS untuk menjalankan tugas dengan lebih berkesan sebagai tenaga penggerak di luar bandar.

Menurutnya, Pemangku Perdana Menteri telah menekankan perlunya KEMAS membimbing penduduk luar bandar yang sudah diberi latihan kemahiran dalam berbagai bidang dapat menggunakan kemahiran itu untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka.

KEMAS menerusi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan membantu penduduk luar bandar membeli jentera kecil yang sesuai dan merancang pemasaran supaya pengeluaran memenuhi permintaan.

Encik Ghafar meminta supaya jenis perindustrian kecil yang dijalankan di luar bandar mesti dikaji terlebih dahulu supaya tidak berlaku pertindihan peng-

eluaran.

"Biasanya penduduk luar bandar akan cuba buat benda yang orang lain dah buat. Tetapi yang pentingnya ialah mesti menentukan ada pasaran dan ini akan dibantu oleh kerajaan menerusi berbagai saluran," ujarnya.

Dalam hubungan ini kursus-kursus akan diberikan kepada penyelia KEMAS supaya mereka dapat memberi petunjuk dan membimbing penduduk luar menyertai perusahaan kecil.

Sambil meminta pegawai KEMAS berkhidmat lebih dedikasi dan berdisiplin, Encik Othman berkata Encik Ghafar mahu mereka jangan mengambil kesempatan daripada kedudukan mereka dalam bidang politik tetapi mesti memberi sokongan sepenuhnya kepada kerajaan.

Katanya, pegawai KEMAS bukan sahaja perlu memahami dasar-dasar kerajaan tetapi juga menghayati supaya dapat memberikan kefahaman yang betul kepada orang kampung.

"Kebanyakan yang berlaku sekarang ialah adanya segelintir masyarakat kampung yang tidak faham akan dasar-dasar kerajaan dan ini menggambarkan seolah-olah orang tidak memberi sokongan kepada kerajaan," ujarnya.

# disusun semula untuk capai matlamat penubuhan'

## Tanar Kepaua masjid di enam daerah

ALOR STAR, Sabu —  
Jabatan Kemajuan  
Masyarakat (Kemas)  
Kedah menyediakan 300  
bungkus buah tamar untuk  
di dederkan ke masjid  
di enam daerah di nega-  
ri ini, mulai esok.

Daerah itu ialah Ba-  
ling, Yan, Kuala Muda,  
Sik, Kulim dan Bandar  
Baru.

Penyelia Kanan Ke-  
mas Agama Negeri, En-  
cik Yusuf Hajji Salleh,  
berkata buah tamar itu  
diberi sebagai sum-  
bang untuk majlis  
berbuka puasa di mas-  
jid-masjid terabit.

Menurutnya, sum-  
bang seumpama itu  
dijalankan sejak dua ta-  
hun lalu untuk menge-  
ratkan perhubungan si-  
laturrahim antara  
jabatan dan penduduk.

Bella, yang juga  
Pengerusi Kebajikan  
Ramadan Kemas Negeri,  
berkata tahun lalu  
sumbangan itu diberi  
kepada masjid di dae-  
rah Kota Star, Pendang,  
Padang Terap dan Ku-

bang Pasu.  
Encik Yusuf berkata,  
Pelbagai sumbangan  
lain turut diadakan se-  
panjang Ramadhan ini.  
Ia termasuk majlis ber-  
buka puasa untuk anak-  
anak yatim di Asrama  
Budi, Yan, majlis Nuzul  
Quran, majlis berbuka  
puasa perlingkat Jaba-  
tan, majlis ceramah  
agama dan majlis Qia-  
nullail.

### Berbuka

Sementara itu, Kemas  
bahagian Alor Star me-  
milih Madrasah Kam-  
pong Telok Yan untuk  
mengadakan majlis Nuzul  
Quran pada 21 Mel-  
ini.

Penyelia agama Ke-  
mas kawasan itu, Encik  
Jamali Shahi, berkata,  
majlis itu termasuk ber-  
buka puasa, sembah-  
yang Magrib, Tare-  
wih, ceramah agama,  
bacaan Quran dan  
nasyid.

Ahli Exco Negeri, En-  
cik Azizan Taib akan  
merasmikan majlis itu.

KUALA LUMPUR 18  
Jun — Setiausaha Parlimen  
Kementerian Pembangunan  
Negara dan Luar Bandar,  
Encik Mohammad Jam-  
rah mengumumkan bahawa  
KEMAS akan mengadakan  
penyusunan semula dari se-  
gi strategi dan pentadbiran  
bagi membolehkan agensi  
itu mencapai matlamat pe-  
nubuhannya.

Dari segi strategi, kata-  
nya, usaha sedang dilaku-  
kan untuk niempergatikan  
pelaksanaan industri kam-  
pong.  
Agensi tersebut akan  
memberi latihan dan bantu-  
an kewangan kepada pen-  
duit — penduduk kam-  
pong yang ingin berkecimpung  
dalam perusahaan  
berkenaan, katanya ketika  
bercakap kepada para pem-  
benita di majlis meriahkan  
pengarahan — Pengarah KE-  
MAS di Kompleks Ke-  
wangan di sini hari ini.


Menurutnya, bantuan se-  
banyak \$10,000 akan diberi  
kepada projek-projek yang  
dijalankan secara individu  
maukala projek berke-

lompok ialah \$50,000.  
Encik Mohammad Jamrah  
menambah, pihaknya akan  
memberi peluang kepada  
siswazah — siswazah yang  
menganggur menjalankan  
projek jika projek mereka  
mantap sebagai langkah  
mengurangkan pengang-  
guran di kalangan para lu-  
lus universiti.

Selain dari projek in-  
dustri kampung, beliau ber-  
kata KEMAS juga telah  
menggal pasti usaha yang  
boleh dijalankan secara  
bersama oleh orang ramai  
seperti kelas-kelas Tadika.  
Mengenal penyusunan  
semula Penitidbiran KE-  
MAS, Encik Mohammad  
Jamrah berkata, kajian di-  
jalankan sama ada perlu di-  
wujudkan jawatan penyelia  
daerah di samping penyelia  
kawasan yang ada sek-  
rang.

Setiausaha Parlimen itu  
juga mengumumkan baha-  
wa Encik Othman Said te-  
lah dilantik sebagai Ketua  
Pengarah KEMAS yang  
baru menggantikan Haji  
Abdu Wahab.

# TBK KEMAS BERWAJAH BARU



Kuala Lumpur — Semua kanak-kanak TBK KEMAS di seluruh negara akan berwajah baru di awal penggal pengajian mereka tahun hadapan. Ini berikutan dari pengenalan pakaian seragam baru oleh Bahagian KEMAS.

Ketua Pengarah KEMAS, Tuan Haji Abdul Wahab b. Haji Mohd. Johar memberitahu Suara KEMAS, penyeragaman pakaian TBK merupakan satu langkah menyeragamkan pakaian kanak-kanak TBK di seluruh negara. Selama ini penguatkuasaan pakaian seragam ini dibuat oleh jawatankuasa TBK tempatan. Ini telah menimbulkan pelbagai corak pakaian seragam TBK.

Penyeragaman pakaian kanak-kanak TBK ini juga adalah satu usaha mewujudkan suatu identiti kepada program TBK anjuran KEMAS.

Pakaian seragam berkenaan berwarna merah jambu (gambar) dan mempunyai logo KEMAS. Ianya akan diedarkan ke

seluruh negara melalui ko-KEMAS Negeri oleh ko-KEMAS Kebangsaan mulai bulan Disember nanti. Ibu bapa boleh membelinya di hari pendaftaran TBK dengan harga \$15.00 sepasang samada bagi pakaian lelaki atau perempuan.

Bagi kanak-kanak lelaki, berupa baju kemeja dan seluar panjang manakala kanak-kanak perempuan memakai baju kurung dan sarung.

Menurut Setiausaha Ko-KEMAS Kebangsaan, Tuan Hj. Ibrahim Hj. Narek, pihaknya juga akan membekalkan kain-kain yang belum dijahit kepada ko-KEMAS Negeri untuk memberi peluang kepada ibubapa dan penjaga kanak-kanak menyediakan pakaian seragam di peringkat kedua nanti.

Namun demikian, bagi mereka yang tidak mempunyai masa, pakaian seragam turut dijual sebagai pakaian seragam tambahan.

(54) dlm. KPNLB.KEMAS  
68/7/1 Jld. III

15 Mei, 1987.

Pengarah Kemajuan Masyarakat Negeri,  
Perak,  
17, Jalan Panglima Bukit Gantang,  
30000 IPOH.

Tuan,


Kajian Ilmiah Program Pembangunan Keluarga

Dengan hormatnya, merujuk perkara di atas, Ibu Pejabat telah memberi kelulusan untuk membuatnya oleh En. Noordin bin Majid Kad Pengenalan 7046819 penuntut tahun kedua Universiti Malaya. Beliau bercadang untuk membuat kajian ini di kawasan Taiping dari 20 Mei hingga 17 Julai, 1987. Sukacita kiranya tuan dapat memberi kerjasama sepenuhnya kepada beliau keterangan mengenai kajian ini di lampiran bersama.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(ROHANA BT. AHMADUN)  
b.p Ketua Pengarah,  
Bahagian Kemajuan Masyarakat,  
Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar,  
MALAYSIA.

RA/zs.